


Jilid IV  
Bil. 1



MALAYSIA

Hari Isnin  
13hb Mei, 1974

# PENYATA RASMI

OFFICIAL REPORT

DEWAN NEGARA  
*SENATE*

PARLIMEN KETIGA  
*Third Parliament*

PENGGAL PARLIMEN KEEMPAT  
*Fourth Session*

## KANDUNGANNYA

### PEMASYHURAN YANG DI-PERTUA:

Titah Ucapan D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong  
[Ruangan 13]

Memperkenankan Akta-akta [Ruangan 39]

Perutusan daripada Dewan Rakyat [Ruangan 40]

### URUSAN MESYUARAT [Ruangan 41]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN  
[Ruangan 42]

### USUL-USUL:

Jalan-jalan Masuk ke Parlimen [Ruangan 50]

Jawatankuasa Pemilih—Lantikan Ahli [Ruangan 51]

Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang  
di-Pertuan Agong [Ruangan 52]

DICETAK OLEH  
MOHD. DAUD BIN ABDUL RAHMAN, J.S.M., KETUA PENGARAH PERCETAKAN  
SEMENANJUNG MALAYSIA, KUALA LUMPUR

1974

MALAYSIA  
PARLIMEN YANG KETIGA—DEWAN NEGARA

*Penyata Rasmi*

PENGGAL YANG KEEMPAT

---

Hari Isnin, 13hb Mei, 1974

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

YANG HADIR :

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI OMAR YOKE-LIN ONG, P.M.N. (Dilantik).
- „ Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., P.J.K. (Dilantik).
- „ Menteri Kebajikan Am, PUAN AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN WONG SENG CHOW, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pertanian dan Perikanan, TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Kelantan).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan, TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI S. O. K. UBAIDULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ TAN SRI HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, P.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL RAHIM BIN ABDUL MANAN, A.M.N., P.J.K. (Negri Sembilan).
- „ DATUK HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN, D.S.W., J.S.M. (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL SAMAD BIN OSMAN (Dilantik).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN AHMAD, S.M.T., P.J.K. (Trengganu).
- „ TUAN AMALUDDIN BIN DARUS, P.M.K., J.P. (Kelantan).
- „ TUAN A. ARUNASALAM, A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK CHAN KWONG HON, D.P.M.S., J.M.N., S.M.S., J.P. (Selangor).
- „ DATUK DR CHEAH TOON LOK, D.P.M.K., D.M.K., J.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., P.J.K., J.P. (Negri Sembilan).
- „ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K. (Melaka).
- „ DATUK J. E. S. CRAWFORD, D.P.M.P., S.P.M.P., J.M.N., J.P., Datuk Kurnia Indera (Dilantik).

- Yang Berhormat PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- .. AWANG DAUD BIN MATUSIN (Dilantik).
- .. TUAN HAJI DZULKIFLI BIN DATUK HAJI ABDUL HAMID (Dilantik).
- .. DATUK FOO SEE MOI, D.P.M.K., J.P. (Dilantik).
- .. TAN SRI GAN TECK YEOW, P.S.M., J.M.N. (Dilantik).
- .. TUAN HAJI HASSAN BIN HAJI YAAKUB, J.P. (Melaka).
- .. DATUK NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHYA, D.J.M.K., J.M.N., P.M.K. (Dilantik).
- .. DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- .. DATUK WAN IBRAHIM BIN WAN TANJONG, J.M.N., P.J.K., Orang Kaya Indera Maharaja Purba Jelai (Pahang).
- .. TUAN IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, P.J.K. (Selangor).
- .. TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- .. TUAN HAJI C. D. ISMAIL, J.M.N., J.P. (Dilantik).
- .. TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHD. YASSIN (Dilantik).
- .. DATUK SYED KECHIK BIN SYED MOHAMED, P.G.D.K. (Sabah).
- .. DATUK KHOO SIAK CHIEW, S.P.D.K. (Sabah).
- .. TUAN LEW SIP HON (Dilantik).
- .. DR LIM AH SITT, P.I.S. (Johor).
- .. DR LIM KENG YAIK (Dilantik).
- .. TUAN G. LOUIS, J.P. (Dilantik).
- .. DATUK MANSOR BIN MOHAMAD, D.P.M.T., A.M.N. (Trengganu).
- .. TAN SRI MOHAMED NOOR TAHIR (T.H.) TAN, P.M.N., J.M.N., C.W.E. (Dilantik).
- .. TUAN HAJI MOHD. SAAID BIN HAJI ABU BAKAR (Dilantik).
- .. DATUK ATHI NAHAPPAN, D.P.M.S. (Dilantik).
- .. DATUK NGAU KEN LOCK, J.M.N., P.J.K., J.P., Datuk Kurnia Panglima Raja (Pahang).
- .. TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- .. TUAN OOI ENG HONG (Kedah).
- .. TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH, P.C.M. (Perak).
- .. TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- .. DATUK V. PONNUSAMY PILLAI, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- .. TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Perlis).
- .. WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Dilantik).
- .. TUAN TING MING HIA (Sarawak).
- .. TUAN YEAP KHENG YAM, P.J.K. (Perak).
- .. TUAN ZAINUDDIN BIN HAJI MOHD. SIDIN, P.J.K. (Dilantik).

## YANG TIDAK HADIR:

- Yang Berhormat TUAN ABDULLAH BIN DATUK HAJI ABDUL RAHMAN, J.M.N., S.M.J. (Johor).
- „ TUAN THOMAS KANA, K.M.N. (Dilantik).
  - „ DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kedah).
  - „ DATUK TEMENGGONG OYONG LAWAI JAU, P.N.B.S., M.B.E. (Sarawak).
  - „ DATUK E. E. C. THURASINGHAM, D.P.M.J., J.P. (Dilantik).

## YANG HADIR BERSAMA:

- Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Kelang).
- „ Menteri Pelajaran, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
  - „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Segamat Utara).

## DEWAN NEGARA

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara, Lim Joo Keng.

Timbalan Setiausaha, Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha, Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha, Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI

Penyunting, Yahya Manap.

Penolong Penyunting, P. B. Menon.

Penolong Penyunting, Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Ng Cheng Kuai.

Jamaludin bin Haji Ali.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

### BENTARA MESYUARAT

Meiar Shariff bin Md. Saad

## DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

## PEMASYHURAN YANG DI-PERTUA

TITAH UCAPAN DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA YANG  
DI-PERTUAN AGONG

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan sukacitanya saya maklumkan kepada Majlis ini iaitu pada 15hb April, 1974 yang lalu Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan menyampaikan Titah Ucapan di-Raja dalam Parlimen. Saya telah menerima salinan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda itu dan sekarang saya mengarahkan supaya salinan Titah Ucapan itu dibentangkan di atas Meja Mesyuarat dan seterusnya dicapkan dalam Penyata Rasmi Parlimen.

**Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara, Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat:**

*Beta mengucapkan syukur kehadiran Allah Subhanahu Wataala yang telah melimpahkan rahmatNYA untuk Beta menyampaikan Titah Ucapan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kedua-dua Dewan Parlimen bersempena dengan pembukaan resmi Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Parlimen Ketiga pada hari ini.*

*Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat maklum, Mesyuarat Belanjawan yang baru lepas, telah membahas dan menerima Laporan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua. Dari laporan itu, Beta sukacita mendapati bahawa dalam tempoh tiga tahun pertama Rancangan Malaysia Kedua, kemajuan yang telah dicapai adalah melebihi jangkaan kita. Dengan ini bermakna tapak asas untuk membina masyarakat Malaysia berlandaskan cita-cita Rukunegara adalah bertambah kukuh. Beta berdoa kehadiran Allah Subhanahu Wataala supaya keadaan tenteram ini berkekalan selama-lamanya.*

*Beta sangat sukacita melihat keadaan keselamatan negara pada masa sekarang adalah terkawal. Ini adalah disebabkan oleh kecekapan dan ketabahan di sisi pasukan keselamatan baik dari anggota polis atau angkatan tentera yang dapat membantut dan mengamankan pegganas-peggnas komunis yang sentiasa mencuba menimbulkan keadaan huru-hara di dalam negara kita. Keadaan ini juga adalah hasil daripada perpaduan yang erat di antara rakyat dan sokongan serta kerjasama yang mereka beri kepada Kerajaan. Baru-baru ini di Sarawak lebih daripada 500 pegganas-peggnas komunis telah meletakkan senjata. Dengan perkembangan ini dan diikuti oleh suara rakyat menyeru saki-baki gerombolan pegganas-peggnas komunis itu meletakkan senjata, Beta yakin keamanan yang sepenuhnya akan tercapai di negeri itu. Dalam hal ini Beta suka melahirkan penghargaan Kerajaan Beta di atas kerjasama yang sentiasa diberi oleh pemerintah Indonesia. Di Semenanjung Malaysia pula Beta sungguh yakin dengan keazaman yang kuat dari rakyat dan dengan kegagahan pasukan keselamatan serta kerjasama yang diberi oleh Kerajaan Thailand, kita tetap akan berjaya. Oleh yang demikian jalan yang tunggal yang terbuka bagi pegganas-peggnas komunis itu ialah bagi mereka menyerah diri sebelum mereka musnah. Kepada rakyat Beta, Beta suka mengingatkan supaya sentiasa berwaspada dan berhati-hati serta menyesuaikan pemikiran dan gerakan kita untuk menghadapi segala rupa cabaran baru atau ancaman terhadap negara.*

*Beta percaya dengan adanya perasaan terlindung daripada segala ancaman di sisi rakyat Beta, semua rancangan di bawah Rancangan Malaysia Kedua dapat dilaksanakan dengan lebih pesat ke arah mencapai cita-cita Dasar Ekonomi Baru. Kita janganlah mudah berpuas hati dengan kejayaan ini malahan kita hendaklah memperkuat lagi azam dan usaha kita ke arah mengujudkan satu masyarakat yang benar-benar bersatupadu, aman dan makmor.*

*Kerajaan Beta* sedar bahawa pada masa ini kenaikan harga barang-barang ataupun inflasi adalah masaalah yang besar yang dihadapi oleh negara kita. Rakyat-rakyat *Beta* terutamanya mereka yang berpendapatan rendah adalah merupakan golongan yang teruk sekali merasi akibatnya. Kerajaan *Beta* memandang berat akan masaalah inflasi ini.

Di negara kita ini inflasi itu berpunca dari luar yang dibawa masuk secara tidak langsung dan seterusnya keadaan ini bertambah buruk akibat daripada amalan mereka yang tamak kepada keuntungan yang berlebih-lebihan. Kerajaan *Beta* sedang dan akan terus mengambil tindakan-tindakan yang tegas bagi mengawal inflasi dan mengurangkan kesusahan rakyat. Antaranya Kerajaan telah memansuhkan beberapa jenis cukai dan sekatan-sekatan ke atas beberapa jenis barang impot, dan mengenakan kawalan atas beberapa jenis barang keperluan. Kepada pekerja-pekerja dan pesara-pesara yang berpendapatan rendah Kerajaan telah membayar Elaun Bantuan Khas. *Beta* sukacita bahawa ramai dari pihak swasta telahpun mencontohi langkah Kerajaan itu. Kerajaan juga memperuntukkan wang modal pusingan sebanyak 40 juta ringgit untuk mengadakan rancangan bantuan buku-buku teks bagi kanak-kanak sekolah yang tidak mampu. Di samping langkah-langkah ini, sebuah Majlis Perundingan Negara dan sebuah Jawatankuasa Jumaah Menteri telah ditubuhkan untuk mengkaji keadaan kenaikan harga barang-barang dan mengambil apa-apa tindakan perlu dari masa ke semasa. Dalam hal ini tindakan dari pihak Kerajaan sahaja tidaklah memadai. Semua rakyat hendaklah berusaha untuk mengurangkan kesan-kesan inflasi, lebih-lebih lagi golongan peniaga dan pihak swasta. Kerajaan *Beta* sedang menggalakkan rakyat berusaha bercucuk tanam untuk menambah bekalan-bekalan makanan umpama buah-buahan dan sayur-sayuran.

Baru-baru ini satu Kempen Anti-Sorok barang-barang keperluan telah dilancarkan dengan jayanya di seluruh negara. Tidak perlu ditegaskan bahawa amalan sengaja menyorok barang-barang dengan tujuan mendapatkan keuntungan yang berlebih-lebih ini adalah satu amalan yang tidak bertanggungjawab. Kerajaan *Beta* menjalani Kempen Anti-Sorok ini dengan saksama dan tegas.

*Beta* dukacita mengetahui bahawa sungguhpun negara kita mempunyai bekalan beras yang cukup, masih terdapat kesulitan bagi rakyat-rakyat *Beta* untuk mendapat bekalan beras untuk keperluan mereka dengan harga yang berpatutan. Untuk merengankan kesulitan rakyat dalam perkara ini, Kerajaan *Beta* akan mengenakan kawalan harga beras. Dalam menentukan kawalan harga beras ini, pertimbangan yang saksama sentiasa diberi terhadap semua pihak yang terlibat.

*Beta* amatlah sukacita mengetahui sungguhpun negara kita sedang menghadapi keadaan inflasi, beberapa hasil utama negara seperti getah, bijih timah, minyak mentah, kayu-kayan dan kelapa sawit telah mendapat harga yang lebih baik di pasaran dunia, dan ini telah menambahkan pendapatan negara yang dapat digunakan untuk meringankan bebanan rakyat.

Sekarang ini kita sebagai negara pengeluar barang-barang tersebut tidak dapat memainkan peranan yang sewajarnya dalam mendapatkan harga yang berpatutan bagi pengeluaran kita sendiri. Kerajaan *Beta* sedar bahawa keadaan ini tidak memuaskan dan oleh itu sedang berusaha membaikinya. Satu daripadanya ialah penubuhan pasaran getah tempatan yang mencerminkan kedudukan kita sebagai negara utama yang mengeluarkan barang ini.

Bagi bijih timah pula, Kerajaan *Beta* telah dapat meyakinkan Majlis Timah Antarabangsa supaya menggunakan ringgit Malaysia dengan menggunakan harga pasaran timah di Pulau Pinang sebagai harga rujukan oleh Majlis itu. Ini adalah satu penghargaan kepada Malaysia dan kepercayaan atas keteguhan matawang kita di dunia. Malaysia juga memainkan peranan utama di Majlis tersebut untuk menetapkan harga yang berpatutan. Perkhidmatan Sistem Telex berotomatik telah mula berjalan dan ini akan membolehkan peniaga-peniaga membuat perhubungan yang perlu dengan negeri-negeri asing dalam urusan perniagaan mereka.

Di bidang perusahaan pengeluaran hasil kayu-kayan, Kerajaan *Beta* akan terus mempergiatkan usaha-usahanya bagi mengembangkan perusahaan ini. Dalam pada itu Kerajaan *Beta* sedar bahawa boleh jadi berlaku kekurangan bekalan kayu-kayan di negara kita di masa hadapan, sekiranya kita tidak berhati-hati dalam usaha pengurusan perhutanan. Oleh itu Kerajaan sedang merancangkan usaha-usaha menanam semula kawasan-kawasan yang telah

dibalak dan meninggikan mutu pengeluaran kayu-kayan daripada hutan-hutan asal. Dalam konteks ini Beta suka menegaskan peri mustahaknya terdapat perimbangan iaitu di samping mencapai kemajuan dalam semua lapangan, kita hendaklah terus memelihara sumber-sumber hasil bumi dengan sempurna untuk kepentingan negara dan jenerasi yang akan datang.

Kerajaan Beta akan terus berusaha memesat dan memodenkan sektor pertanian dengan mengutamakan institusi-institusi pertanian yang akan diperbaiki untuk mengadakan saluran-saluran bagi perkhidmatan lanjutan, kredit, pemasaran dan penyelidikan yang lebih berkesan kepada petani-petani dalam usaha untuk meninggikan daya pengeluaran dan menggalakkan mereka lebih cenderung kepada perniagaan. Di samping itu projek-projek kemajuan tanah yang luas, memperbaiki dan memperluas rancangan penanaman semula getah dan menambah pelaburan modal dalam rancangan perairan sawah padi sebagai usaha-usaha bagi mempercepat perkembangan dan proses pemodenan sektor ini akan diteruskan. Dalam bidang usaha-usaha ini, Beta berharap matlamat kita untuk mengeluarkan bahan-bahan makanan yang cukup akan tercapai lebih-lebih lagi dalam keadaan inflasi yang terdapat sekarang.

Dalam bidang perikanan pula Kerajaan Beta sedang menyediakan Pelan Indok supaya menentukan tercapainya matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru. Pelan ini menunjukkan cara-cara dan menentukan jenis-jenis projek pembangunan yang perlu dilaksanakan supaya satu bentuk perkembangan perusahaan perikanan yang progresif dapat dipercepatkan lagi. Sementara itu, kompleks-kompleks Pelabuhan Perikanan akan juga dibina di Chendering dan Kuantan untuk memudahkan lagi penggunaan bot-bot perikanan lebih besar yang sedang muncul dalam perusahaan perikanan kita. Dengan adanya Pelabuhan-pelabuhan Perikanan yang lengkap, punca perikanan di lautan dalam akan dapat diteroka dengan pesat, di samping menambahkan penangkapan ikan di lautan berhampiran pantai dengan menggunakan teknik-teknik perikanan moden yang akan membolehkan kegiatan menangkap ikan di lautan berhampiran pantai diteruskan sepanjang tahun. Beta suka melafazkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Republik Indonesia dan Kerajaan Thailand atas kerjasama erat yang diberi oleh mereka dalam hal perikanan. Kerajaan Beta dan Kerajaan Republik Indonesia akan berusaha bersama untuk memelihara kepentingan perikanan di Selat Melaka dari pencerobohan dan kecemasan.

Seterusnya, dunia sekarang juga mengalami krisis tenaga. Sungguhpun demikian Kerajaan Beta telah dapat jaminan daripada Negara-negara Arab dan lain-lain negara pengeluar minyak untuk memenuhi semua keperluan minyak bagi negara kita. Dalam pada itu pun, Kerajaan Beta sedang berusaha untuk menambahkan pengeluaran minyak dari sumber-sumber negara kita sendiri. Dengan terdapatnya kawasan-kawasan minyak dan gas tulin di pelantaran benua negara kita ini, maka perusahaan petroliam pada masa akan datang akan bertambah maju. Ini akan memberi sumber tenaga yang penting untuk memajukan perusahaan petro-kimia di negara kita. Adalah tujuan Kerajaan Beta dengan kerjasama Kerajaan-kerajaan Negeri untuk memainkan peranan yang lebih giat dan positif lagi dalam pengeluaran dan pengurusan petroliam, dan dengan yang demikian Kerajaan Beta sedang mengkaji mengadakan undang-undang bagi mencapai tujuan tersebut.

Dari segi perindustrian dan perdagangan, Kerajaan Beta sentiasa berusaha untuk membetulkan corak pemilikan dan pengurusan supaya cita-cita Dasar Ekonomi Baru tercapai. Kerajaan Beta juga akan terus menggalakkan pelaburan asing yang memberi faedah kepada negara, selaras dengan cita-cita Dasar Ekonomi Baru. Untuk mengelakkan kemungkinan berlakunya pelaburan asing yang tidak diingini, Kerajaan Beta telah menyediakan garis-garis panduan dan juga membentuk sebuah Jawatankuasa Pelaburan Asing.

Kerajaan Beta akan terus memperhebat dan memperluaskan usaha-usahanya melalui agensi-agensi Kerajaan iaitu MARA, PERNAS, UDA dan lain-lain untuk mencapai matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Kerajaan Beta akan juga terus berusaha mengadakan suasana yang sehat dan memperbaiki infrastruktur untuk mengekalkan keadaan yang sesuai bagi penubuhan industri-industri terutamanya di kawasan-kawasan yang kurang maju. Di samping itu Kerajaan Beta adalah

juga berusaha untuk terus menjalinkan ketenteraman perindustrian. Keadaan ini adalah penting untuk memesatkan lagi pembangunan sektor perindustrian. Oleh yang demikian, Kerajaan berpegang tegoh kepada prinsip pembayaran gaji yang berpatutan kepada pekerja-pekerja swasta. Dalam hal ini, semua pihak perlu mengamalkan sikap bertolak ansur.

Kerajaan Beta akan terus melindungi kepentingan-kepentingan asasi pekerja-pekerja dan menjamin yang pekerja-pekerja di semua peringkat pekerjaan di dalam perusahaan akan mendapat rezeki yang saksama dari hasil pembangunan negara. Kesihatan, keselamatan dan kebajikan mereka akan dilindungi sepenuhnya supaya membolehkan mereka mencapai mutu kecekapan dan daya pengeluaran untuk kebaikan negara keseluruhannya. Untuk mencapai tujuan tersebut Undang-undang Buruh yang sedia ada akan sering diulangkaji melalui perbincangan dengan wakil-wakil pekerja dan majikan. Tegasnya, Ordinan Pekerjaan, 1955 yang telahpun dipinda yang menambahkan lagi pelbagai faedah kepada pekerja-pekerja akan diulangkaji seterusnya dengan tujuan mengujudkan taraf buruh yang lebih tinggi.

Begitu juga Kerajaan Beta sedar betapa pentingnya memperluaskan faedah-faedah keselamatan sosial secara berperingkat-peringkat kepada semua lapisan masyarakat dan untuk tujuan ini Kerajaan Beta sedang merangka untuk memperluaskan bidang Sekim Keselamatan Sosial bagi meliputi pekerja-pekerja dalam sektor perikanan, penanaman padi dan lain-lain pekerja di desa.

Dalam usaha kita memperkembangkan perindustrian, kita patut mengambil perhatian atas beberapa akibat buruk yang timbul seperti pencemaran alam. Sungguhpun di negara kita pada masa ini, masalah ini pada keseluruhannya belum lagi sampai ke peringkat yang membimbangkan, akan tetapi Kerajaan Beta sedar kita perlulah mulai daripada sekarang membuat persediaan-persediaan mengkaji masalah ini dan mengambil tindakan awal bagi mengawalinya.

Berkenaan dengan kemudahan perhubungan udara pula projek-projek pembesaran Lapangan-lapangan Terbang Antarabangsa di Pulau Pinang, Kuching dan Kota Kinabalu sedang dijalankan. Projek-projek tersebut adalah bertujuan menyesuaikan kemudahan-kemudahannya dengan perkembangan-perkembangan lalu-lintas udara dan juga beberapa kemajuan di bidang penerbangan awam di rantau ini. Projek pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa di Pulau Pinang akan membolehkan kapal-kapal terbang jenis besar mendarat di Lapangan Terbang itu. Dalam konteks ini Beta sukacita bahawa Lapangan Terbang Senai, Johor telah mula digunakan pada akhir tahun lepas. Syarikat Penerbangan Kebangsaan iaitu MAS, di samping memperluaskan perkhidmatannya di luar negeri akan memperluaskan perkhidmatan dalam negeri. Ini bukan sahaja akan memperkukuhkan kedudukan ekonomi dan sosial tiap-tiap negeri bahkan juga akan membantu mempererat lagi perpaduan rakyat. Kerajaan Beta juga sedar betapa pentingnya mengadakan perhubungan yang kekal di antara Pulau Pinang dengan tanah besar Semenanjung Malaysia bagi mencapai matlamat ekonomi dan sosial dan supaya negeri tersebut boleh mencapai kadar perkembangan ekonomi yang sepenuhnya. Kerja-kerja bagi pembinaan sebuah jambatan sedang dilaksanakan dan dijangka akan siap pada awal tahun 1980. Faedah-faedah ekonomi dan sosial daripada projek ini akan bertambah lagi dengan siapnya Lebohraya Timur—Barat kelak.

Dalam usaha memperbaiki keadaan hidup rakyat, Kerajaan Beta akan terus menambahkan kemudahan-kemudahan sosial iaitu perumahan, pelajaran, kesihatan, jalan-jalan raya, bekalan api, bekalan air dan lain-lain lagi. Dari segi kesihatan Kerajaan Beta akan terus melaksanakan berbagai projek ke arah memperluas dan memperbaiki kemudahan perubatan dan kesihatan terutamanya di kawasan-kawasan luarbandar. Dalam rancangan meluaskan perkhidmatan perubatan dan kesihatan terutamanya di kawasan-kawasan luarbandar, usaha bagi mengadakan pasukan-pasukan bergerak akan dimulakan. Kerajaan juga akan berusaha membina hospital-hospital bagi tiap-tiap satu daerah di negara ini. Untuk mengatasi kekurangan doktor-doktor yang dialami sekarang, doktor-doktor dari luar negeri akan terus diperolehi. Di samping itu Kerajaan Beta sentiasa berusaha memperluas dan memperbaiki kemudahan-kemudahan pengajian kedokteran supaya bilangan doktor-doktor kita sendiri mencukupi bagi keperluan negara. Kursus-kursus lanjutan peperiksaan ijazah tinggi di negara ini untuk doktor-doktor tempatan adalah juga diadakan untuk menambah bilangan doktor-doktor pakar.

*Selaras dengan Dasar Ekonomi Baru untuk memperbaiki taraf hidup rakyat tanpa mengira kaum dan keturunan maka Kerajaan telah juga memberi perhatian kepada masalah-masalah penduduk kampung-kampung baru dan peruntukan disediakan di bawah Rancangan Malaysia Kedua untuk membantu Kerajaan-kerajaan Negeri melaksanakan projek-projek yang perlu.*

*Satu masalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk kampung-kampung baru ialah tanah dan untuk mengatasi masalah ini rundingan telahpun dibuat dengan Kerajaan-kerajaan Negeri supaya seberapa boleh meluaskan kawasan-kawasan kampung-kampung baru yang sesak, mendapatkan kawasan-kawasan untuk bercucuk tanam dan juga menyejatkan pengeluaran surat milik bagi lot-lot yang sekarang diduduki dengan Lesen Tumpangan Sementara.*

*Usaha-usaha untuk menempatkan semula bekas-bekas anggota tentera dalam penghidupan awam sedang berjalan dengan cergasnya. Dalam usaha-usaha ini Kerajaan bukan sahaja sedang mencari kerja di bidang awam dan swasta bagi bekas-bekas anggota tentera tetapi juga telah mula memberi latihan kemahiran supaya mereka akan dapat memperolehi kemahiran dalam berbagai jenis pertukangan yang akan membolehkan mereka menjalankan perniagaan sendiri. Bagi bakal bekas-bekas anggota tentera pula, Kerajaan sedang giat memberi latihan-latihan dalam bidang perniagaan dan pertanian supaya mereka juga dapat menceburkan diri dalam lapangan-lapangan tersebut mengikut kecenderongan masing-masing apabila mereka tamat perkhidmatan dengan tentera kelak. Bagi mereka-mereka yang suka mengerjakan tanah sendiri pula satu rancangan khas telahpun dibuka di kawasan Sungai Koyan, Pahang.*

*Kerajaan sedar pemilikan tanah adalah satu asas penting dari segi perumahan dan kemajuan pertanian. Oleh itu Kerajaan Beta akan terus menasihatkan Kerajaan-kerajaan Negeri supaya menimbangkan pemberian milik tetap kepada semua rakyat yang sedang mengusahakan tanah yang diberi secara Lesen Tumpangan Sementara. Beta berharap bahawa pemberian hak milik tetap ini akan mengujutkan keadaan di mana kaum-kaum yang berlainan keturunan akan dapat hidup berhampiran. Di samping itu agensi-agensi seperti FELDA, FELCRA dan agensi-agensi Kemajuan Tanah di Negeri-negeri akan terus melaksanakan rancangan-rancangan pembukaan tanah dan pengambilan peserta-peserta bagi rancangan-rancangan tersebut.*

*Kerajaan Beta sentiasa memberi perhatian yang berat terhadap usaha-usaha memajukan orang-orang asli. Beta berharap mereka akan merebut peluang yang sepenuhnya dengan menyertai dalam berbagai rancangan pembangunan yang dianjurkan oleh Kerajaan khususnya untuk keperluan dan kepentingan mereka.*

*Beta sukacita mendapat tahu bahawa Kerajaan Beta dengan bantuan Kerajaan Union of Soviet Socialist Republics sedang menjalankan kajian terhadap kemungkinan membina sebuah ampungan di Tembeling, Pahang. Projek ini bertujuan untuk memberi kuasa letrik hydro sambil mengurangkan bencana banjir.*

*Bagi tujuan menyediakan tempat-tempat kediaman bagi rakyat, Kerajaan Pusat akan terus membantu mengeluarkan pinjaman wang kepada Kerajaan-kerajaan Negeri bagi menjalankan rancangan perumahan supaya lebih ramai rakyat termasuk anggota-anggota perkhidmatan awam, tentera dan polis berpeluang memiliki rumah mereka sendiri. Majikan-majikan adalah juga bertanggungjawab bagi melaksanakan rancangan ini. Adalah diharapkan tidak lama lagi beberapa rancangan perintis perumahan untuk pekerja-pekerja ladang, lombong dan kilang akan dapat dilancarkan, dengan kerjasama Kerajaan-kerajaan Negeri.*

*Mengenai dasar pembahagian wang kepada negeri-negeri, Kerajaan Pusat telahpun bersetuju memperuntukkan bantuan tertentu kepada negeri-negeri yang berkurangan wang setelah menimbangkan keadaan sumber-sumber kewangan negeri-negeri yang berkenaan serta kehendak-kehendak perkembangannya. Pembahagian ini tidak semestinya bergantung kepada jumlah penduduk sesebuah negeri.*

Kerajaan Beta akan terus memperbaiki kemudahan-kemudahan persekolahan di semua peringkat. Dari segi peringkat pelajaran tinggi, Kerajaan sedang mengkaji cadangan menubuhkan cawangan-cawangan kampus Universiti Kebangsaan di Sabah dan Universiti Pertanian di Sarawak. Kerajaan Beta telah mengambil keputusan untuk memindahkan Institut Teknologi Kebangsaan secara berperingkat-peringkat ke Johor Bahru. Juga dipersetujui bahawa Institut Teknologi MARA mendirikan cawangan-cawangan kampusnya di beberapa negeri. Langkah-langkah yang Beta nyatakan itu adalah sejajar dengan dasar Kerajaan untuk memperbagai dan menempatkan pusat-pusat pengajian tinggi di seluruh negara. Beta percaya dengan adanya dasar seperti ini lebih ramai rakyat Beta di seluruh negara berpeluang menikmati pelajaran tinggi. Beta sukacita bahawa keputusan Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia bagi tahun lepas adalah lebih baik. Ini menunjukkan bahawa perhatian yang lebih berat telah diberi kepada mata pelajaran Bahasa Malaysia.

Di dalam keadaan yang terdapat pada masa ini peranan sebaran am makin bertambah penting dalam usaha memberi penerangan dan menukar cara pemikiran rakyat, sesuai dengan kemajuan sains dan teknologi. Untuk menimbulkan keinsafan bahawa rakyat berbilang keturunan di seluruh Malaysia, bergantung nasib mereka kepada falsafah hidup bersama, maka sebaran am Kerajaan sedang giat berusaha untuk mengujudkan satu sistem perhubungan moden termasuk menggunakan satelit supaya semua rakyat dapat menerima penerangan serentak secara suara dan bergambar.

Kerajaan Beta sedar betapa besarnya peranan belia dalam pembangunan negara dan sentiasa menggalakkan perkembangan-perkembangan dalam pergerakan mereka sesuai dengan cita-cita negara ke arah pembangunan, perpaduan dan keselamatan. Dalam hal ini Beta suka menyebutkan bahawa usaha yang bersungguh-sungguh yang timbul dari kalangan belia sendiri boleh menjadikan mereka ejen permodenan masyarakat yang dinamis. Di samping usaha-usaha mereka sendiri Kerajaan Beta akan meneruskan rancangan-rancangan tanah dan pertanian dengan menggiatkan Rancangan Belia Peladang yang merupakan punca pekerjaan dan pendapatan bagi mereka. Rancangan-rancangan kemahiran perusahaan dan lapangan-lapangan keahlian yang lain adalah juga diberi.

Serentak dengan usaha-usaha yang dijalankan untuk mencapai kemajuan ekonomi yang lebih pesat, Kerajaan Beta juga memberi perhatian sepenuhnya terhadap membentuk satu masyarakat yang berakhlak tinggi berlandaskan kepada perinsip-perinsip Rukunegara.

Kerajaan Beta memandang berat di atas bertambahnya kejadian rompakan yang menggunakan senjata api terutamanya di kawasan-kawasan bandar. Untuk mengurangkan penggunaan senjata api dalam kejadian-kejadian ini Kerajaan Beta akan memodenkan Jabatan-jabatan yang berkenaan. Di samping itu Kerajaan Beta akan meminda Rang Undang-undang Senjata Api (Penalti Tambahan), 1971 yang berkuatkuasa sekarang untuk menambahkan hukuman yang lebih berat bagi kesalahan-kesalahan tertentu yang melibatkan penggunaan senjata api. Dalam pindaan yang akan dilakukan itu hukuman mati boleh dikenakan juga kepada orang-orang yang berdagang senjata api secara haram.

Satu lagi perkembangan yang Beta suka sebutkan di sini ialah penubuhan Kuala Lumpur sebagai Wilayah Persekutuan mulai 1hb Februari tahun ini. Ini adalah satu peristiwa yang bersejarah. Beta berharap kemajuan dan pembangunan yang lebih pesat dapat dijalankan supaya Kuala Lumpur menjadi ibu kota negara yang terkenal dan setanding dengan ibu kota-ibu kota negara-negara lain. Kita semua bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wataala kerana Wilayah Persekutuan telah ditubuhkan dengan selamatnya. Beta ingin merakamkan di Dewan yang mulia ini rasa terhutang budi Kerajaan Beta kepada Paduka Kekanda Yang Maha Mulia Sultan Selangor yang telah berkenan melepaskan kawasan Kuala Lumpur menjadi Wilayah Persekutuan.

Beta sukacita yang Kerajaan Beta telah menubuhkan sebuah Majlis Ugama Islam bagi Wilayah Persekutuan. Majlis tersebut adalah bertanggungjawab khusus mengenai pentadbiran dan segala hal ehwal Ugama Islam dalam Wilayah Persekutuan. Di samping itu, Kerajaan Beta telah juga menubuhkan Yayasan Dakwah Islamiah.

*Dari segi perhubungan luar Kerajaan Beta akan terus mengamalkan dasar terbaik-baik dengan semua negara berdasarkan kepada konsep menghormati kedaulatan masing-masing dan tidak mencampuri hal ehwal dalam negeri masing-masing.*

*Bersama-sama dengan Negara-negara ASEAN yang lain Malaysia sedang mengkaji untuk tercapainya satu kawasan yang aman, bebas dan berkecuali di Asia Tenggara. Begitu juga Kerajaan Beta akan terus bekerjasama dengan Negara-negara ASEAN yang lain dalam bidang perdagangan, perindustrian, perhubungan dan lain-lain lagi untuk kepentingan bersama.*

*Ke arah memperluaskan hubungan diplomatik dengan negara-negara yang ingin berbuat demikian, Kerajaan Beta sedang mengadakan perundingan di peringkat akhir dengan Republik Rakyat China bagi mengujudkan perhubungan diplomatik dengan negara itu tidak lama lagi.*

*Sebagai sebuah Negara Islam maka sewajarnya kita juga memperkukuhkan perhubungan kita dengan Negara-negara Islam yang lain. Di sidang kemuncak Ketua-ketua Negara Islam yang berlangsung di Lahore baru-baru ini, Kerajaan Beta telah memainkan peranan yang tegas dan telah menekankan betapa mustahaknya sidang itu disusuli dengan tindakan-tindakan yang positif bagi melaksanakan cita-cita dan hasrat yang terkandung dalam resolusi-resolusi persidangan itu.*

*Beta sukacita bahawa Malaysia telah diberi penghormatan untuk menjadi tuan rumah kepada persidangan Menteri Luar Negara-negara Islam yang akan berlangsung di Kuala Lumpur pada bulan Jun tahun ini. Ini tidak syak lagi membuktikan keharuman imej negara kita di kalangan negara-negara Islam dan di kalangan dunia pada amnya. Kita haruslah menghargai peranan perintis yang telah dimainkan oleh Paduka Ayahanda Beta, Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-haj sebagai Setiausaha Agong Pertama Sekretariat Islam.*

*Beta yakin dengan adanya perpaduan di kalangan Negara-negara Islam, maka dapatlah mereka memainkan peranan yang cergas dalam bidang ekonomi dan perdagangan dunia. Kerajaan Beta menumpukan perhatian yang berat terhadap mengembangkan perhubungan diplomatik, perdagangan dan perniagaan dengan Negara-negara Asia Barat dan negara-negara lain. Lawatan-lawatan Perdana Menteri Beta dan Menteri-menteri lain ke Asia Barat baru-baru ini telah mengukuhkan lagi perhubungan kita dengan negara-negara itu terutamanya dari segi perhubungan perdagangan dan perniagaan. Kita mengalu-alukan pelaburan modal dari negara-negara itu demi kepentingan bersama.*

*Kerajaan Beta menentang dasar memperluaskan wilayah sesebuah negara secara kekerasan. Kerajaan Beta menyokong Negara-negara Arab dalam perjuangan mereka hendak menyelesaikan masalah Asia Barat dan mengambil pendirian bahawa masalah Asia Barat itu tidak akan selesai selagi semua kawasan-kawasan milik Arab tidak dipulangkan kembali kepada mereka. Di samping itu, Kerajaan Beta juga mengambil pendirian bahawa hak mutlak rakyat Palestin hendaklah diselesaikan dengan cara yang adil.*

*Beta bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wataala atas kejayaan-kejayaan yang dicapai oleh negara kita dalam semua lapangan. Sungguhpun negara kita turut mengalami keadaan inflasi, Beta yakin dengan langkah-langkah bijak yang telah diambil oleh Kerajaan serta dengan ketabahan hati yang ditunjukkan oleh rakyat maka masa hadapan negara kita adalah cerah.*

*Beta suka melafazkan penghargaan Beta atas kebijaksanaan dan pimpinan Kerajaan pada keseluruhannya kerana telah memimpin negara ke arah kemajuan, keamanan dan perpaduan rakyat.*

*Mengambil sempena pembukaan rasmi Parlimen pada hari ini, Beta mengucapkan syukur kehadiran Allah Subhanahu Wataala dan suka melafazkan ucapan terima kasih Beta kepada rakyat sekalian yang telah bekerjasama dengan Kerajaan Beta untuk kemajuan negara, kepada Ahli-ahli Parlimen, pegawai-pegawai dan anggota-anggota Kerajaan dan Pasukan Keselamatan.*

The English translation is as follows—

**Mr President, Mr Speaker, Honourable Members of both Houses of Parliament:**

*WE thank God for the blessings HE has showered upon US which have enabled US to deliver this Address before Honourable Members of both Houses today on the occasion of the official opening of the First Meeting of the Fourth Session of the Third Parliament.*

*As Honourable Members are aware, at the last Budget Meeting the Mid-term Review of the Second Malaysia Plan was debated and accepted. WE are pleased to note from the said Review that during the first three years of the Second Malaysia Plan, the progress achieved exceeded Our expectations. This means that the foundation on which a Malaysian society based on the principles of the Rukunegara is to be built has become stronger. We pray to God that this peaceful situation will last for all time.*

*We are pleased to observe that the national security situation is under control. This is made possible through the efficiency and resoluteness of Our security forces both from the Police and the Armed Forces to stunt and reduce the activities of the communist terrorists who want to create chaos in Our country. Again this situation has also been possible because of the solidarity of the people and the support and cooperation rendered by them to the Government. Recently in Sarawak a group comprising more than 500 communist terrorists laid down their arms. With this development and the desire of the people that the remnants of the group should lay down their arms, We are confident total peace can be achieved in that State. In this respect, WE would like to express OUR Government's appreciation to the Government of the Republic of Indonesia for the cooperation it has always rendered. In Peninsular Malaysia, WE are confident that with the firm determination of the people and the effectiveness of the Security Forces as well as the cooperation given by the Government of Thailand we are certain to succeed. As such, the only way open to the communist terrorists is to surrender before they are eliminated. WE would like to remind OUR subjects to be always vigilant and that we should adjust our thinking and our methods when facing new challenges or threats to the Nation.*

*WE believe that with the feeling of security prevailing among the people, all the projects under the Second Malaysia Plan can be implemented with greater intensity towards achieving the objectives of the New Economic Policy. We should not be easily complacent with this success. On the other hand, We should strengthen our determination and efforts towards the creation of a society that is truly united, peaceful and prosperous.*

*OUR Government is fully aware that at the present moment, inflation is a major problem faced by Our country. Our subjects especially those with lower incomes are the worst hit by it. My Government takes a serious view of this problem.*

*In Malaysia inflation originated from outside the country and it was imported indirectly. Subsequently conditions deteriorated as a result of the practices of those who are greedy in obtaining excessive profits. My Government has and will continue to take firm measures to control inflation and to minimise the sufferings of the people. Among other things, the Government has abolished several types of duties and restrictions on a number of imported commodities and imposed controls on several types of essential commodities. To the workers and pensioners with low income, My Government has paid Special Relief Allowances. WE are pleased that many of the firms in the private sector have emulated Government's example in paying Special Relief Allowances to their workers. The Government has also allocated a Revolving Fund amounting to 40 million ringgit to start a Text Books Assistance Programme for needy pupils. Apart from these measures, a National Consultative Council and a Cabinet Committee have been established to study the spiralling price of essential commodities and to take necessary action from time to time. In this matter, action from the Government alone will not suffice. All the people especially the businessmen and the private sector should make every effort to minimise the effects of inflation. My Government is encouraging the people to plant foodstuffs such as fruits and vegetables.*

*Recently an Anti-Hoarding Campaign has been successfully launched throughout the length and breadth of the country. It is not necessary to emphasise that the deliberate practice of hoarding commodities with the intention of procuring excessive profits is an irresponsible one. My Government is carrying out the Anti-Hoarding Campaign fairly but firmly.*

*WE are sad to know that although Our country possesses an ample supply of rice, OUR subjects are experiencing difficulties in obtaining it at a reasonable price. To lessen the difficulties of OUR subjects in this respect, My Government will impose price control on rice. In determining price control for rice, equitable consideration will always be given towards all concerned.*

*WE are pleased to know that although we are now confronted with inflationary conditions several of our primary produce such as rubber, tin, crude oil, timber and palm oil had obtained better prices in the world market and this has increased our national income which in turn can be used to lighten the burden of the people.*

*Presently, we, as producer of these commodities are unable to play our proper role in obtaining reasonable prices for our own products. My Government is aware that this state of affairs is unsatisfactory and therefore we are in the process of remedying it. One of the measures which has been taken is the establishment of a local rubber market which reflects our position as the foremost producer of rubber.*

*As regards to tin, My Government was able to convince the International Tin Council to use the Malaysian ringgit by using the market price of tin in Penang as the quoted price by the said Council. This is an honour accorded to Malaysia and is an indication of the confidence in the strength of our currency in the world. Malaysia also plays a principal role in the said Council in obtaining a reasonable price for this commodity. The introduction of the automatic Telex system service will facilitate traders when communicating with other countries in their trading activities.*

*In the field of timber production, My Government will continue to intensify its efforts towards the expansion of this industry. Nevertheless, My Government is aware of the possibility that a shortage of the supply of timber might arise in Our country in the future if we are not careful in managing our forest resources. As such My Government is planning reafforestation programmes in areas which have been worked as well as improving the quality of our timber production from virgin jungle. In this context WE would like to emphasise the importance of achieving a balance, that is whilst achieving progress in all fields, we should continue to preserve our natural resources in the national interest as well as for future generations.*

*My Government will continue in its efforts to intensify and to modernise the agricultural sector by giving priority to agricultural institutions which will be improved to provide channels for extension work, credit, marketing and research which are more effective to the farmers in the effort to increase their productivity and to encourage them to be more inclined towards commerce. At the same time extensive land development projects, improvement and expansion of rubber replanting schemes, additional investment in padi irrigation schemes will be accelerated towards the expansion and modernization of this sector. In this efforts we hope our objectives in producing adequate foodstuffs will be achieved especially in the face of inflationary conditions prevailing at present.*

*In the field of fisheries, My Government is preparing a Master Plan to ensure the attainment of the objectives of the New Economic Policy. The Plan illustrates methods and categories the types of development projects to be implemented in order to further accelerate a progressive pattern of fisheries development. In the meanwhile, fishing port complexes will also be constructed at Chendering and Kuantan to further facilitate the usage of larger types of boats for our fishing industry. With the availability of well-equipped fishing ports, the off-shore resources would be rapidly exploited whilst the productivity of coastal fisheries would also be raised by introducing modern fishing techniques which will make all-year-round*

*in-shore fishing operations possible. We would like to express Our thanks to the Government of the Republic of Indonesia and the Government of Thailand for the close cooperation recorded by them in fishing matters. My Government and the Government of the Republic of Indonesia will cooperate closely to protect fishing interests in the Straits of Malacca from violations and pollution.*

*At present the world is also experiencing an energy crisis. In spite of this My Government has obtained an assurance from Arab Nations as well as other oil producing nations to fulfil all our oil requirements. My Government is also taking steps to increase our oil production from our own sources. With the recent oil and natural gas strikes on our continental shelf, our petroleum industry will be further developed in the future. This will give us an important source of energy to develop petro-chemical industry in our country. It is My Government's intention to play a more active and positive role in the production and management of petroleum and as such My Government is in the process of introducing legislation towards this end.*

*In the industrial and commercial fields, My Government is always taking steps to remedy the pattern of ownership and management so that the objectives of the New Economic Policy are achieved. My Government will also continue to encourage foreign capital investments which will benefit the nation, consistent with the New Economic Policy. To avoid the possibility of any undesirable foreign investments, My Government has prepared certain guidelines and has also established a Foreign Investment Committee.*

*My Government will continue to intensify and to expand its efforts in achieving the objectives of the New Economic Policy through Government agencies such as MARA, PERNAS, UDA and others.*

*My Government will continue to provide and improve the necessary infrastructure so as to improve conditions for the establishment of industries, especially in the less developed areas. At the same time, My Government will continue in its efforts to foster industrial peace. This condition is imperative towards further accelerating industrial development. As such the Government adheres firmly to the principle of fair wages to the workers in the private sector. In this matter, it is necessary for all concerned to adopt a spirit of compromise.*

*My Government will continue to safeguard the legitimate interests of workers and ensure that workers of all levels in industry receive an equitable share of the fruits of national development. Their health, safety and welfare will be adequately protected so that they can maintain a high standard of efficiency and productivity for the good of the nation in general. To this end, the present labour laws will be kept under constant review in consultation with representatives of workers and employers. In particular, the Employment Ordinance, 1955, which has already been amended to include a wide range of benefits to workers, will be further reviewed with the object of setting up even more comprehensive labour standards.*

*Similarly, My Government is mindful of the desirability of progressively spreading social security benefits to all sectors of the community and towards this end My Government is presently planning to extend the scope of the Employees Social Security schemes to cover workers engaged in fishing, padi-planting and other rural workers.*

*In our efforts to expand our industries, we should take heed of the undesirable consequences that would arise such as environmental pollution. This problem as a whole has not reached alarming proportions in Our country at the present moment but My Government is aware that it is necessary to make preparations from now to study the problem and take early action to control it.*

*With regard to air communication facilities, projects for the expansion of international airports at Pulau Pinang, Kuching and Kota Kinabalu are being implemented. The objective of the said projects is to make adjustments to the facilities at the airports to meet the requirements of expansion in international air traffic as well as progress in the field of civil*

aviation in this region. The expansion of the Pulau Pinang International Airport will make it possible for larger types of aircraft to land at the Airport. In this context, WE are pleased that the Senai Airport in Johore has been operational from December last year. The Malaysian Airline System or MAS while extending its services overseas is also expanding its domestic services. This will not only strengthen the economic and social position of each State but will also assist to strengthen the ties of unity among My subjects. My Government is also aware of the importance of having a permanent link between Pulau Pinang and mainland Peninsular Malaysia in order to achieve social and economic objectives and also for the State to attain maximum economic development. Work on the construction of the bridge is being implemented and it is expected to be ready in early 1980. The economic and the social benefits from this project will be enhanced with the completion of the East-West Highway.

In the effort to improve the living conditions of the people, My Government will continue to increase social facilities such as housing, education, health, roads and highways, electricity supplies, water supplies and other facilities. On health, My Government will continue to implement various projects which will expand and improve the medical and health facilities especially in the rural areas. In this programme of expanding the medical and health services to the rural areas, mobile teams will be started. The Government will make every effort to provide each district with a hospital. To overcome the shortage of doctors, foreign doctors will continue to be recruited. At the same time My Government is making efforts to expand and improve the facilities for medical studies so that the number of local doctors will be adequate for our national need. Post-graduate and higher degree examination courses for local doctors are being held to increase the number of specialist doctors.

In line with the New Economic Policy to raise the standard of living of the people, irrespective of race and origin, the Government is also aware of the problems of people living in new villages and an allocation has been made in the Second Malaysia Plan to help the State Governments implement the necessary projects.

One of the problems faced by the people living in new villages is land and to overcome this problem, negotiations were conducted with State Governments to enlarge the areas in congested new villages as far as possible, providing land for cultivation and speed up the issue of titles for lots now occupied under Temporary Occupation Licences.

Efforts to resettle ex-servicemen to civilian life is continuing actively. In this effort, the Government is not only providing jobs in the public and private sectors but also giving them skilled training in various fields so that they can acquire various trade skills to enable them to operate their own business. The Government is providing training in trade and agriculture to the potential ex-servicemen in order to enable them to take part in the fields mentioned when they eventually leave the Forces. To those who are inclined towards cultivating their own lands, a special development scheme has been started at Sungai Koyan, Pahang.

My Government is aware that ownership of land is an important basis for housing and agricultural development. As such, My Government will continue to advise State Governments to consider issuing permanent titles to the people working on lands under Temporary Occupation Licences. WE hope the issue of permanent titles will help to create a situation where all races of different origins will live together. At the same time agencies such as FELDA, FELCRA and other Land Development Agencies in the States will continue to implement new schemes and recruit new settlers.

My Government has always given serious attention in the efforts to improve the progress of the "Orang Asli". WE hope they will take full opportunity and participate in the various development programmes sponsored by the Government, which are specially for their need and interest.

WE are pleased to know that OUR Government with the assistance of the Government of Union of Soviet Socialist Republics is in the process of studying the feasibility of constructing a dam at Tembeling, Pahang. The objective of this project is to provide hydro-electric power whilst minimising the occurrence of floods.

*With the purpose of providing housing to the people, the Central Government will continue to assist giving loans to the State Governments to implement housing programmes so that more people including members of the Public Service, the Army and the Police are given the opportunity to own their own houses. Employers are also responsible for implementing this programme. It is hoped that in the near future several pioneer housing schemes for estate, tin mine and factory workers can be launched with the co-operation of the State Governments.*

*As regards to the policy of giving grants to States, the Central Government has agreed to allocate specific assistance to deficit States, after considering their respective financial resources as well as developmental needs. This grant need not necessarily depend on the total population of each State.*

*My Government will continue to improve school facilities at all levels. At the higher education level, the Government is studying the proposal to set up campus branches of National University in Sabah and of University of Agriculture in Sarawak. My Government has decided to transfer The National Institute of Technology to Johore Bahru by stages. It has also been agreed that the MARA Institute of Technology should establish branches of its campus in several States. The steps that WE mentioned are consistent with the Government policy to spread the location of institutions of higher learning all over the country. WE believe that with the existence of such a policy more of OUR subjects throughout the country will have the opportunity to acquire higher education. WE are pleased that the Malaysian Certificate of Education results for last year are much better than the previous year. This indicates that more serious attention has been given to Bahasa Malaysia.*

*In the circumstances prevailing at the moment the role of the mass-media in giving information and changing the attitude of the people consistent with scientific and technological progress has become more important. In order to foster awareness among the people of various descent in the whole country that their future depends upon having a common philosophy of life, Government mass-media is actively pursuing its efforts to evolve a modern communication system including the usage of satellite so that all the people can receive information simultaneously by way of audio and visio.*

*My Government is aware of the important role of youth in national development and is all the time encouraging development of youth movements consistent with national objectives towards development, unity and security. In this matter WE would like to mention that earnest efforts by the youths themselves can make them dynamic agents in the process of modernization of society. Apart from their own efforts My Government will continue to implement land and agricultural schemes by activating the Young Farmers' Programme which is a source of employment and income for them. Industrial skill programmes and other expertise are also provided.*

*Simultaneous with efforts carried out to achieve a faster rate of economic development, My Government has given full attention towards moulding a society with high morality based upon the principles of Rukunegara.*

*My Government takes a serious view of the increased incidence of armed robbery where firearms are used, especially in the urban areas. To control the usage of firearms in such incidents, My Government will modernise the Departments concerned. At the same time, My Government will amend the Firearms (Increased Penalty) Act, 1971 which is in force at present so as to increase sentences in respect of certain offences involving usage of firearms. In the proposed amendment, the death sentence can be imposed on those found guilty of trafficking in firearms.*

*Another development that WE like to mention is the establishment of Kuala Lumpur as Federal Territory effective from 1st February this year. This is a historical event. WE hope greater and more accelerated progress and development will be achieved so as to make Kuala Lumpur a national capital that is renowned and comparable to the capitals of other*

nations. We are all thankful to God for the successful establishment of the Federal Territory. WE also wish to record in this House the sense of gratitude of OUR Government to His Royal Highness the Sultan of Selangor who had graciously consented to Kuala Lumpur becoming the Federal Territory.

We are pleased that OUR Government has established a Muslim Religious Council for the Federal Territory. The Council is responsible for the administration of all matters pertaining to Muslim religious affairs in the Federal Territory. At the same time My Government has also established an Islamic Missionary Foundation.

From the view of foreign relations My Government will continue to implement its friendly policy with all nations based on the concept of mutual respect for each other's sovereignty and non-interference in each other's internal Affairs.

Together with other ASEAN nations, Malaysia is studying the possibility of achieving a zone of peace, freedom and neutrality in South-east Asia. Likewise, My Government will continue to cooperate with other ASEAN nations in the fields of commerce, industry, communications and others, for the common interests.

Towards the extension of diplomatic relations with nations that are desirous of doing so, My Government is conducting negotiations with the People's Republic of China for the purpose of establishing diplomatic relations with her soon and these negotiations are at their final stages.

As a Muslim nation it is appropriate that We should also strengthen Our relationship with other Muslim nations. At the summit conference of Heads of States of Islamic Nations which took place at Lahore recently, My Government has played a positive role and has emphasised the importance of the conference following up its resolutions with concrete and positive action, towards implementing the hopes and aspirations contained in the resolutions passed by the conference.

WE are pleased that Malaysia has been accorded the honour to host the next conference of Foreign Ministers of Islamic Nations in Kuala Lumpur in June this year. This without doubt, is proof of the high standing of our image in Islamic circles and the world generally. We appreciate the pioneer role which has been played by Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Ai-Haj as the first Secretary-General of the Islamic Secretariat.

We are confident that with the unity prevailing among Muslim nations, they can plan an active role in the world trade and economy. My Government gives serious attention towards expanding diplomatic, commercial and trade relations with West Asian Nations as well as other nations. Visits made by OUR Prime Minister and other Ministers to West Asia recently has further strengthened our relationship with them, especially in the fields of commerce and trade. We welcome investments from them for our mutual interests.

My Government opposes the policy of any State extending its territory by force. My Government supports the Arab Nations in their struggle to solve the West Asian problem and takes the stand that the West Asian problem will not be solved until all Arab lands are returned to them. At the same time, My Government also takes the stand that the legitimate rights of the Palestinian people should be settled equitably.

WE wish to express OUR thanks to Allah for the success achieved by OUR country in all aspects. Although We are faced with inflation, We are confident that with the steps already taken by the Government and with patience and determination showed by the people, Our future is bright.

WE would like to express OUR appreciation to the Government for its leadership in guiding the nation towards progress, peace and national unity.

WE take this opportunity at the official opening of Parliament today to express OUR thanks to Allah. WE would also like to thank all OUR subjects who have cooperated with OUR Government for national progress, to Members of Parliament, Government officers and staff, and to the Security Forces.

- (d) Barang-barang yang ditahan oleh Kementerian saya, Polis dan LPN itu terserahlah kepada keputusan pihak berkuasa Undang-undang.
- (e) Mengikut tinjauan yang telah dijalankan oleh Kementerian saya sejak mulanya kempen itu dilaksanakan pada 1-3-74 sehingga ke hari ini, ada tanda-tanda menunjukkan harga barang-barang keperluan telah mula turun sedikit dan boleh didapati dengan tidak begitu payah.

**Tuan Abdul Samad bin Osman:** Tuan Yang di-Pertua, tidakkah boleh Kerajaan menjual barang-barang yang dirampas itu dengan harga murah untuk mengatasi inflasi?

**Datuk Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, barang-barang yang dirampas ini tertakluk kepada undang-undang negara dan diserahkan kepada pihak berkenaan untuk memastikan apa yang harus dibuat kepadanya.

#### ANTI-SOROK

**2. Dr Lim Ah Sitt** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian semenjak kempen anti-sorok dilancarkan menyatakan:

- (a) jumlah bilangan perbuatan penyorokan yang telah didedahkan, nilai dan jenis barang-barang dirampas dan tempat-tempat berlakunya rampasan itu;
- (b) bilangan maklumat yang diterima daripada orang ramai dan jumlah hadiah kewangan yang diberi kepada pengadu-pengadu, bilangan maklumat yang benar dan yang palsu setelah dijalankan penyiasatan yang teliti.
- (c) bilangan penyorok-penyorok yang terdiri daripada pengilang, pemborong dan peruncit; dan
- (d) samada tiap-tiap maklumat yang diterima disiasat dengan teliti dan adil sebelum dakwaan dan rampasan dijalankan.

**Datuk Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Soalan (a) dan (b) telahpun saya jawab ketika menjelaskan pertanyaan dari Yang Berhormat Tuan Yeap Kheng Yam sebentar tadi.
- (b) Bilangan pengilang-pengilang yang telah ditahan barang-barang mereka menyorok ialah 2. Kementerian saya

tidak dapat memberi pecahan berapakah pemborong-pemborong dan peruncit-peruncit yang telah ditahan kerana menyorok oleh sebab begitu ramai daripada mereka menjalankan kedua-dua perniagaan sebagai pemborong dan peruncit.

(c) Ya.

#### SUBSIDI KEPADA BARANG-BARANG KEPERLUAN

**3. Dr Lim Ah Sitt** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) jenis barang-barang keperluan yang diberi subsidi oleh Kerajaan sehingga hari ini; dan
- (b) samada beliau akan menimbang memberi subsidi kepada barang-barang keperluan yang lain, jika dan bila perlu.

**Datuk Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah barang-barang yang telah diberi subsidi secara langsung dan dengan cara tidak langsung ialah 45. Ini termasuklah penghapusan cukai impot ke atas 33 jenis barang dan juga penghapusan cukai eksais ke atas 7 jenis barang seperti yang dijelaskan oleh Yang Berhormat bekas Menteri Kewangan pada masa yang lepas.

Di antara barang-barang yang di bawah kawalan Kementerian saya ialah gula dan tepung gandum. Berhubung dengan gula, Kerajaan telah memberi pengecualian cukai eksais sebanyak \$153.82 sen satu tan di Semenanjung Malaysia dan pengecualian cukai impot sebanyak \$129.80 sen di Sabah dan Sarawak. Jumlah kerugian kepada Kerajaan adalah dianggarkan sebanyak \$27 juta dalam masa separuh pertama tahun 1974. Sekiranya pengecualian cukai ini tidak diberi, harga gula pasir yang sebenarnya ialah 60 sen sekati dan tidak 50 sen sekati sebagaimana yang terdapat pada masa ini. Dalam tahun 1972 dan 1973, Kerajaan telah juga memberi subsidi secara tidak langsung dalam bentuk pengecualian cukai eksais dan impot dan kerugian cukai adalah dalam lingkungan \$32.7 juta. Dengan itu, jumlah subsidi yang diberikan mengenai gula sahaja ialah \$59.7 juta.

Mengenai tepung gandum pula, pengecualian cukai tokok sebanyak 2% ke atas pengimpotan biji gandum juga telah diberi kepada perusahaan tepung gandum dalam negeri supaya dapat mengurangkan kadar kenaikan harga tepung gandum yang disebabkan oleh kenaikan harga biji gandum di pasaran dunia. Jumlah kerugian Kerajaan di dalam hal ini ialah sebanyak \$1 juta dalam masa 3 bulan pertama tahun ini.

(b) Ya.

**Tuan Kamarul Ariffin bin Mohd. Yassin:** Dapatkah Yang Berhormat Menteri menyatakan di dalam senarai 45 barang tadi, adakah termasuk petroliam atau bahan-bahan yang dibuat daripada petroliam? Walaupun perkara ini bukan di bawah Kementerian beliau, tetapi oleh kerana disebutkan tadi ada 45 jenis barang-barang yang dikecualikan.

**Datuk Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, minta maaf. Saya berkehendakkan notis kerana panjang sangat senarai tersebut.

**Datuk Mansor bin Mohamad:** Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi penerangan berkenaan dengan barang-barang yang diberi subsidi ini samada termasuk beras atau tidak?

**Datuk Musa Hitam:** Termasuk beras, Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Mansor bin Mohamad:** Termasuk beras Siam?

**Datuk Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta notis berkenaan dengan samada beras Siam atau lain-lain beras sebab sekarang sudah ada bermacam jenis beras.

#### SEKOLAH-SEKOLAH RENDAH KEBANGSAAN/JENIS KEBANGSAAN— BANGUNAN UZUR

4. **Datuk V. Ponnusamy Pillai** minta Menteri Pelajaran menyatakan:

(a) adakah beliau sedar bahawa bangunan-bangunan dan alat-alat hampir di semua sekolah-sekolah Tamil di negara ini dalam keadaan uzur dan jika sedar, bilakah tindakan akan diambil untuk membaikinya; dan

(b) memandang bahawa dalam Rancangan Malaysia Kedua sekolah-sekolah Tamil di Bidor, Tanjung Malim, Ayer Tawar dan Pantai Remis dalam Negeri Perak akan mendapat bangunan-bangunan baru, nyatakan bilakah kerja-kerja pembinaan akan dimulakan.

**Menteri Pelajaran (Tuan Haji Mohamed bin Yaacob):** Tuan Yang di-Pertua,

(a) Saya sedar bahawa banyak bangunan-bangunan dan alat-alat Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) di negara ini sudah uzur, sebagaimana juga saya sedar bahawa bangunan-bangunan dan alat-alat sekolah lain, iaitu Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (China) adalah uzur juga. Kementerian saya akan membina bangunan-bangunan baru bagi menggantikan bangunan-bangunan yang telah uzur mengikut keutamaannya dan mengikut peruntukan wang yang diluluskan oleh Parlimen tiap-tiap tahun.

(b) Kenyataan yang dibuat ini tidaklah benar. Mengikut rekod Kementerian ini tidak ada pembinaan bangunan-bangunan baru untuk sekolah-sekolah Tamil di Bidor, Tanjung Malim, Ayer Tawar dan Pantai Remis yang telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kedua. Apa yang sebenarnya ialah Pengarah Pelajaran Negeri Perak telah mengemukakan permohonan projek bagi sekolah-sekolah di kawasan-kawasan tersebut kepada Kementerian Pelajaran untuk ditimbang. Permohonan projek dari sekolah-sekolah di atas akan ditimbang mengikut keutamaannya.

**Datuk Athi Nahappan:** (Dengan izin) Would the Honourable Minister inform this House, rather than trying to repair every school that is in a dilapidated condition, whether Government is considering the desirability of establishing group schools in place of the existing dilapidated schools, and if so, what effective measures are presently being taken to promote group schools particularly in the rural areas?

**Tuan Haji Mohamed bin Yaacob:** Tuan Yang di-Pertua, memang ada cadangan Kementerian untuk mencantumkan dua tiga

buah sekolah kecil ke sebuah sekolah pusat, tetapi didapati ada banyak kesulitan-kesulitan. Ibubapa-ibubapa terpaksa harus membayar wang tambang anak-anaknya sekiranya dipindahkan sekolah-sekolah yang kecil-kecil itu ke sekolah pusat. Banyak lagi kerumitan-kerumitan lain seperti tempat tinggal anak sekiranya tidak berulangik dan memang ada juga bantahan-bantahan daripada ibubapa sekiranya sekolah-sekolah kecil ini dicantumkan kepada sebuah sekolah besar ataupun sekolah pusat, tetapi cadangan ini terpaksa dikaji halus lagi.

**Datuk V. Ponnusamy Pillai:** Tuan Yang di-Pertua, saya dapat tahu pada tahun 1969 banyak sekolah Tamil seperti di Bidor, Tanjung Malim dan lain-lain yang rosak dan Kerajaan sudahpun memasukkannya ke dalam Rancangan Malaysia Yang Kedua, tetapi sudah empat tahun lebih belum ada apa-apa yang nampak, belum mendapat sebuah sekolah yang baharu. Jikalau hujan ataupun ribut sudah tentu jatuh. Kalau jatuh dan mengakibatkan kematian murid-murid sekolah adakah ini tanggungjawab Kerajaan ataupun rakyat. Saya nampak Sekolah Air Tawar ini, saya tidaklah tahu samada Menteri Pelajaran ada pergi melawat ataupun tidak, ditempatkan di tempat yang rendah. Kalau hujan tentu akan mengakibatkan bencana yang buruk. Saya minta Yang Berhormat Menteri Pelajaran memberi keutamaan terhadap sekolah-sekolah tersebut.

**Tuan Haji Mohamed bin Yaacob:** Saya boleh memberi pertimbangan.

#### KUMPULANWANG AMANAH BURUH INDIA SELATAN

**5. Datuk V. Ponnusamy Pillai** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan:

- (a) berapa baki wang yang ada dalam Kumpulanwang Amanah Buruh India Selatan;
- (b) berapa faedah yang diperolehi tiap-tiap tahun daripada Kumpulanwang Amanah ini;
- (c) adakah anak-anak Buruh India Selatan sahaja yang menerima biasiswa Kumpulanwang ini atau adakah anak-anak kaum lain juga menerima biasiswa ini;
- (d) apakah kelulusan yang diperlukan bagi mendapat biasiswa ini; dan

- (e) bilangan mereka-mereka di Malaysia yang menerima biasiswa ini dan bilangan daripada mereka yang terdiri daripada anak-anak ahli Lembaga Kumpulanwang Amanah itu.

**Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tan Sri V. Manickavasagam):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pada akhir tahun 1973 ialah \$3,954,829.12.
- (b) Akhir tahun 1973 ialah \$200,140.67.
- (c) Anak-anak buruh India Selatan sahaja menerima biasiswa.
- (d) Murid-murid dalam Tingkatan IV sampai VI atas yang sangat miskin dan sepatutnya menerima diukur dari segi akademik;
- (e) Sejak 1952, 510 biasiswa telah diberi. Tiada anak-anak Ahli Lembaga Kumpulanwang Amanah yang menerima.

**Tuan Amaluddin bin Darus:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Menteri berkenaan (a), daripada sumbar manakah wang ini didapati dan dikumpulkan di dalam apa yang dikatakan Kumpulanwang Amanah ini?

**Tan Sri V. Manickavasagam:** Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Kumpulanwang Buruh India Selatan ditubuhkan menurut perbekalan-perbekalan Seksyen III Ordinan Kumpulanwang Buruh India Selatan Bil. 24, 1958. Terdapat 13 ahli-ahli itu dan ini adalah hasil daripada kelulusan Ordinan Kumpulanwang Buruh India Selatan. Lembaga ini ialah pengganti kepada Kumpulanwang Imigresen India yang lama, yang telah ditubuhkan dalam tahun 1907 menurut perbekalan-perbekalan Ordinan Kumpulanwang Imigresen India pada tahun itu. Segala harta Kumpulanwang Imigresen India telah digolongkan pada 31hb Ogos, 1958, dan dipindahkan ke Lembaga Kumpulanwang Buruh India Selatan menurut perbekalan-perbekalan yang terkandung dalam Ordinan Kumpulanwang Imigresen India Bil. 25, 1958.

**Tuan Amaluddin bin Darus:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Yang saya maksudkan dengan soalan tambahan saya tadi ialah dari kumpulan mana atau dari

punca mana wang itu didapati dan dimasukkan di dalam apa yang dikatakan Kumpulanwang Amanah ini?

**Tan Sri V. Manickavasagam:** Tuan Yang di-Pertua, wang ini datang daripada Immigration Fund yang dahulu dan Lembaga Kumpulanwang Buruh India Selatan ada menjalankan kegiatannya daripada wang itu.

**Datuk V. Ponnusamy Pillai:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menjelaskan daripada jawapan (e) iaitu murid-murid sampai di tingkatan berapakah yang mendapat biasiswa?

**Tan Sri V. Manickavasagam:** Daripada Tingkatan IV sampai Tingkatan VI dan juga di universiti dapat study loan.

#### FERI DARI MELAKA KE DUMAI

6. Tuan Ibrahim bin Haji Yaacob minta Menteri Perhubungan menyatakan bilakah harinya ada perkhidmatan feri dari Melaka ke Dumai dan berapa muatan penumpang feri tersebut.

**Timbalan Menteri Perhubungan (Tuan Wong Seng Chow):** Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan feri dari Melaka ke Dumai telah ditamatkan mulai 5-1-1974.

#### BERAS SIAM

7. Tuan Ibrahim bin Haji Yaacob minta Perdana Menteri menyatakan mengapa Beras Siam boleh di bawa ke negeri-negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Kelantan, Trengganu dan Pahang sahaja.

**Datuk Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, asas soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak benar oleh sebab jenis beras yang disebutkannya itu tidak terhad pergerakannya asalkan pembawanya ada surat kebenaran.

#### HARGA BESI/SIMEN

8. Tuan Ibrahim bin Haji Yaacob minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan bilakah harga besi dan simen akan diturunkan.

**Datuk Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, adalah sukar untuk menentukan bila harga besi dan simen akan turun kerana naik-turunnya harga bahan-bahan itu bergantung kepada keadaan pasaran dunia amnya. Umpamanya pembakar atau "fuel oil" merupakan satu bahan utama dalam pengeluaran simen dan terpaksa diimpot dengan harga yang tinggi.

Walaupun begitu Kerajaan telah mengambil beberapa langkah supaya harga kedua-dua bahan ini berpatutan dan bekalan boleh didapati. Di antaranya termasuklah sekatan eksport semuga kehendak-kehendak tempatan mencukupi, memperluaskan asas pengedaran, menghapuskan segala sekatan dan cukai-cukai terhadap pengimpotan besi waja dan penangguhan beberapa projek yang kurang penting.

**Datuk Mansor bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan bercadang hendak melepaskan cukai impot ke atas kemasukan simen ini?

**Datuk Musa Hitam:** Impot atau eksport?

**Datuk Mansor bin Mohamed:** Impot. Tuan Yang di-Pertua, simen kita sekarang tidak mencukupi. Kita telah mengetahui sedangkan diimpot dari luar negeri pun kita kena bayar cukai, jadi harganya tidak juga turun. Saya hendak bertanya, adakah Kerajaan bercadang hendak melepaskan cukai ini supaya dapat harganya turun dalam pasaran tempatan?

**Datuk Musa Hitam:** Setakat ini, belum ada cadangan lagi oleh sebab kita ada rancangan-rancangan hendak mendirikan beberapa kilang, sekurang-kurangnya 3 kilang yang telah saya isytiharkan dalam seminggu dua yang lepas di dalam Dewan Rakyat.

#### USUL-USUL

##### JALAN-JALAN MASUK KE PARLIMEN

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Mailis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya, selama Penggal Dewan Negara yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa

terbuka dan boleh dilalui, dan jangan ada apa-apa halangan menggalang Ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini, jangan berlaku apa-apa kacau-bilau di jalan-jalan menuju arah ke Dewan ini, dan supaya jangan ada huru-hara di Bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini; dan Setiausaha Dewan Negara hendaklah menyampaikan Perintah ini kepada Ketua Polis Negara tersebut itu.

**Menteri Kebajikan Am (Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Diputuskan.

Bahawa Mailis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya, selama Penggal Dewan Negara yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui, dan jangan ada apa-apa halangan menggalang Ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini, jangan berlaku apa-apa kacau-bilau di jalan-jalan menuju arah ke Dewan ini, dan supaya jangan ada huru-hara di Bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini; dan Setiausaha Negara hendaklah menyampaikan Perintah ini kepada Ketua Polis Negara tersebut itu.

#### **JAWATANKUASA PEMILIH— LANTIKAN AHLI**

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Ahli-ahli yang berikut:

1. Yang Berhormat Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof;
2. Yang Berhormat Tuan Wong Seng Chow;
3. Yang Berhormat Datuk Syed Hassan Aidid; dan
4. Yang Berhormat Tuan Amaluddin bin Darus,

hendaklah jadi Ahli-ahli Jawatankuasa Pemilih bagi tempoh Penggal Yang Keempat.

**Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Diputuskan.

Bahawa Ahli-ahli yang berikut:

1. Yang Berhormat Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof;
2. Yang Berhormat Tuan Wong Seng Chow;
3. Yang Berhormat Datuk Syed Hassan Aidid; dan
4. Yang Berhormat Tuan Amaluddin bin Darus.

hendak jadi Ahli-ahli Jawatankuasa Pemilih bagi tempoh Penggal Yang Keempat.

#### **UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

*3.05 mg.*

**Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa suatu ucapan yang tidak seperti-nya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan sebanyak-banyak syukur dan terima kasih kepada Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Keempat, Parlimen Yang Ketiga.”

Dalam mengemukakan Usul ini, izinkan saya berucap, mengulaskan dan memberi pendapat-pendapat, pandangan-pandangan saya bagi menguatkan sokongan saya di atas tiap-tiap patah dari Titah Ucapan Di-Raja itu. Titah Ucapan Baginda yang memakan masa hampir satu jam itu sangat-sangatlah memberangsangkan setiap golongan

rakyat yang setia di dalam negara kita ini. Satu Titah Ucapan yang sangat-sangat jelas, tepat dan tegas menghuraikan satu-persatu apa yang telah dan akan diusahakan oleh Kerajaan. Bagi kita rakyat yang ingin kepada keamanan, kemakmuran dan keteguhan dalam dunia yang serba jenis krisis ini, marilah kita mengemukakan, marilah kita mengukuhkan taat setia kita kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan merapatkan barisan perpaduan kita supaya dapat kita menentukan masa hadapan bangsa dan negara dengan lebih baik berbanding dengan negara-negara yang telah maju pada masa ini. Marilah kita tanamkan semangat perpaduan yang benar-benar ke dalam jiwa anak-anak kita supaya kekal menjadi akar tunjang kepada perbentokan suatu bangsa Malaysia yang baru berasaskan kepada Rukunegara yang telah kita tetapkan itu.

Dalam Titah Ucapan Baginda itu masalah inflasi telah mengambil masa yang panjang yang mana menunjukkan kepada kita bagaimana beratnya perhatian Kerajaan dalam menghadapi masalah ini. Saya bersetuju dengan pendapat bahawa inflasi dalam negara kita ini adalah didatangkan dari luar negeri dan digunakan oleh mereka yang tamak untuk mengambil keuntungan yang berlebihan. Saya suka menambah iaitu tentu kita lebih bersetuju kalau dikatakan yang membawa masuk inflasi dari luar negeri itu ialah mereka yang sedang mengecap nikmat dari hasil usaha Kerajaan kita dalam masa pembangunan ini. Setahu saya sebuah kilang gula dalam negara kita ini telah memberi pengakuan iaitu \$1.4 juta harga gula telah disorokkan oleh sebuah syarikat dan dihadapkan di Mahkamah. Ini adalah hak kepunyaannya. Sekiranya ini benar kilang gula adalah suatu daripada pengeluaran barang yang diperlukan oleh negara. Kekurangan gula boleh mematikan seseorang. Bagi menggalakkan pembinaan kilang barang utama yang seumpama ini Kerajaan sanggup merugikan hasil negara dengan memberikan segala pengecualian yang diminta oleh mereka. Sekiranya mereka yang seumpama ini ikut mengambil peluang dalam masa inflasi ini maka sudah sewajarnya Kerajaan bertindak dengan lebih tegas dan sekiranya perlu meminda undang-undang bagi menghentikan usaha-usaha jahat ini. Dalam masa inflasi ini bolehlah kita katakan orang-orang yang telah kaya dan pedagang-pedagang

serta pengusaha-pengusaha yang besar makin bertambah kaya dan besar, manakala peniaga-peniaga yang kecil dan pembeli-pembeli menjadi mangsa golongan yang tamak.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Ucapan Baginda itu juga telah disebutkan bagaimana kuatnya azam Kerajaan untuk mengimbangkan ekonomi negara ini. Saya mengambil kesempatan dalam Dewan ini mengucapkan tahniah dan setinggi-tinggi pujian kepada Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian juga Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita yang telah banyak memberi masa bagi melaksanakan dasar Kerajaan ini. Kita pernah mendengar amaran-amaran yang hebat yang telah diberikan kepada pedagang-pedagang yang besar, pengusaha-pengusaha yang telah kaya dan mereka yang memegang kuasa ekonomi negara kita ini.

Beliau juga telah memberi amaran akan mendedahkan rahsia-rahsia penyelewengan yang dilakukan oleh perbadanan-perbadanan Kerajaan sendiri dalam menghadapi masalah hendak memasukan orang Melayu atau bumiputra sebanyak 30% dalam masa 20 tahun di bawah Rancangan Ekonomi Baru kita ini.

Saya suka menyeru di sini supaya cukuplah dengan amaran-amaran yang telah diberi oleh Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Perdagangan dan Perindustrian. Dan mulai hari ini saya rasa telah sampailah masanya bagi Kerajaan dan bagi Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Perdagangan dan Perindustrian berhenti daripada memberi amaran dan bertindak supaya dapat dilaksanakan dasar-dasar Kerajaan yang baik. Daripada fahaman saya, amaran itu boleh kita beri setakat beberapa kali sahaja, sebabnya, amaran biasanya boleh kita beri setakat tiga kali sahaja. Kali pertama, diulangi kali kedua, dan penghabisannya kali yang ketiga. Kiranya amaran kali yang ketiga itu juga tidak diindahkan oleh pihak yang tertentu, maka sudah sewajarnya bagi pihak Kerajaan mengambil tindakan untuk melaksanakan dasar-dasar Kerajaan ini.

Saya suka hendak sebutkan di sini satu daripada badan yang ditubuhkan oleh Kerajaan yang disokong oleh Kerajaan dan dijamin oleh Kerajaan untuk mengukuhkan

ekonomi negara kita dalam bidang perindustrian. Saya suka menunjukkan satu contoh iaitu badan yang dinamakan MIDF. Badan ini satu badan yang sangat besar yang mempunyai susunan pentadbiran yang baik dan mempunyai punca modal yang cukup bagi memberi galakan, memberi pinjaman, memberikan sokongan kepada pengusaha-pengusaha dalam negara kita ini untuk memajukan perusahaan-perusahaan sesuai dan selaras dengan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan.

Sudah banyak perbincangan telah dibuat dalam seminar-seminar, dalam dailog-dailog yang dijalankan yang mana banyak disebutkan perkara-perkara yang masih kekurangan dalam pelaksanaan untuk memberi kemudahan-kemudahan kepada bumiputra untuk menggalakkan perusahaan dan perdagangan. Badan MIDF itu mengikut apa yang saya tahu adalah menjalankan dasar sama rata mengikut peraturan yang serupa dengan tidak ada perbezaan dan keutamaan diantara bumiputra dan yang bukan bumiputra. Pernah dalam Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam tahun-tahun yang lalu menyebut supaya badan ini bergerak mengubah sikap supaya disusun, supaya diberikan pandangan yang utama kepada bumiputra yang ingin melibatkan diri dalam industri ini, tetapi sehingga hari ini saya rasa sangatlah lemah dan sangatlah perlahan cara perubahan yang hendak didatangkan daripada badan MIDF ini. Dan dengan ucapan ini di dalam Dewan ini, saya menyeru Kerajaan supaya membuat satu kajian atau membuat satu penelitian di atas perjalanan badan MIDF ini supaya badan ini benar-benar dapat menyesuaikan perjalanannya dengan dasar yang dikehendaki oleh Kerajaan.

Kita harus memberi pujian kepada beberapa badan lain yang mana pada masa dahulu tidak begitu kuat dan aktif, tetapi pada masa yang akhir-akhir ini telah menunjukkan sikap yang sangat berlainan dan perubahan yang sangat cepat dalam menuju matlamat Kerajaan, sebagaimana kita telah melihat MARA telah membuat perubahan dengan memberikan kemudahan untuk bumiputra menceburkan diri dalam perdagangan dan perusahaan dengan kemudahan modal asas kepada bumiputra dan begitu juga PERNAS yang telah banyak memberi masa untuk menolong bumiputra dalam mendapatkan barang-barang dan memberikan sokongan dalam

cara menaikkan lagi mutu perniagaan dan perusahaan yang dijalankan oleh bumiputra ini. Jadi ketinggalan dalam saat yang sepatutnya menimbulkan perubahan ini ialah dalam badan MIDF ini.

Selain daripada itu, saya suka juga hendak sebutkan di sini dalam menempatkan bumiputra dalam perdagangan dan perindustrian di dalam mana-mana dailog dan di dalam mana-mana seminar atau konggres ekonomi, satu sahaja perbincangan yang ditimbulkan di dalam seminar ataupun konggres itu ialah masaalah modal asas bagi bumiputra untuk menjalankan perniagaan dan perusahaan. Modal asas inilah yang menjadi masaalah penting dan utama yang menghalang, menjadi masaalah penting bagi bumiputra untuk mengambil bahagian dalam perdagangan dan perusahaan. Dan sudah sampai masanya supaya dibuat satu usaha untuk menguatkan lagi tekanan-tekanan, ataupun galakan-galakan, usaha-usaha bagi memperbanyakkan punca-punca modal bagi dijadikan modal asas kepada bumiputra dalam perdagangan dan perusahaan.

Satu daripada contoh yang saya suka sebutkan di sini ialah bank-bank perniagaan yang ada di dalam negara kita ini. Kerajaan telah menggalakkan bank-bank itu supaya memberi beberapa banyak pinjaman menerusi credit corporation yang telah ditubuhkan dan kita pada hari ini masih mendapati banyak bank-bank itu belum lagi mengambil bahagian dalam rancangan Kerajaan di bawah credit corporation ini.

Saya rasa sudah sampai masanya seruan Yang Berhormat Datuk Mohamed Rahmat. Timbalan Menteri Kewangan yang telah beberapa kali menyuarakan supaya bank-bank ini menunjukkan kejujuran dan ketsetiaan kepada negara ini, menunjukkan kemahuan untuk bersama-sama dengan Kerajaan dalam usaha mengimbangkan ekonomi rakyat negara ini.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*).

Saya rasa sudah sampai masanya bagi kita menentukan syarat-syarat ataupun mengenakan peraturan-peraturan yang tertentu bagi mereka yang hendak membuka bank, mereka yang berkehendakkan kepada lesen-lesen membuka syarikat-syarikat kewangan, syarikat-syarikat insuran yang mana syarikat-syarikat yang seumpama inilah yang merupakan badan-badan yang menghimpunkan

modal di dalam negara kita ini. Kalau sekiranya badan-badan dan syarikat-syarikat ini tidak dikawal dengan betul dan tidak dipandukan dengan cara yang cermat, maka sudah tentu sia-sia sahajalah usaha Kerajaan untuk menempatkan bumiputra dalam masa 20 tahun mengambil bahagian di dalam perdagangan dan perusahaan dalam negara kita ini. Dalam negara kita ini banyak kompeni-kompeni insuran dan sejumlah besarnya ialah kompeni-kompeni insuran daripada luar negeri yang membawa keluar duit wang negara kita ke luar negeri, ke England, ke Amerika, ke Jepun dan ke lain-lain negara memberi investment di luar negeri menerusi kompeni-kompeni ataupun syarikat-syarikat insuran di luar negeri yang dimodali oleh luar negeri yang besar-besar yang ada dalam negara kita hari ini. Apa yang tinggal kepada syarikat-syarikat insuran di negara kita ialah sangat kecil dan syarikat-syarikat insuran yang tidak begitu besar berbanding dengan syarikat-syarikat insuran daripada luar negeri.

Maka sudah sepatutnya badan-badan ataupun syarikat yang seumpama ini dikaji perjalanannya dan patut diketahui bagaimana cara investment mereka supaya kita tidak mendapat kerugian dan tidaklah lewat masanya untuk kita bertindak dimasa hadapan. Bagi bumiputra bukanlah berkehendakkan 50, 60 atau 70 peratus sahaja dalam hakmiliknya. Apa yang ditujukan oleh Kerajaan ialah 30 peratus hakmilik dalam masa 20 tahun. Dalam masa 20 tahun ini kalau sekiranya kita tidak mengawal, memandu dan menjaga perkembangan-perkembangan yang dibuat oleh syarikat-syarikat yang besar ini, terutamanya syarikat-syarikat yang menjadi punca kewangan kepada kemajuan perusahaan negara kita ini, maka sudah tentu dalam masa 20 tahun itu kita tidak dapat hendak mencapainya 30 peratus sebagaimana yang ditujukan itu kerana mereka masih berkembang. Dalam 20 tahun yang akan datang, kita tidak tahu berapa peratus perkembangan daripada golongan ini, dan kita cuma mengikutinya daripada belakang dengan tidak dapat menentukan peratusan kita dalam masa beberapa tahun dimasa hadapan. Inilah masaalah besar yang patut dihalusi dan dijaga oleh Kerajaan bagi menuju kepada matlamat Dasar Ekonomi Baru kita ini.

Selain daripada itu, saya rasa kemajuan-kemajuan yang telah dicapai apabila telah dibuat kajian Setengah Penggal Kemajuan

Ekonomi Baru Kerajaan ini bagi negeri-negeri di Pantai Barat, saya rasa telah meningkat satu peringkat yang boleh dibanggakan oleh Kerajaan seperti Negeri Pulau Pinang, Negeri Perak, Negeri Sembilan, Negeri Melaka, tetapi ketinggalan yang besar ialah Negeri Kelantan, Negeri Pahang, Negeri Trengganu iaitu negeri-negeri di sebelah Pantai Timur. Saya katakan ketinggalan ini ialah kerana kerja-kerja pembinaan jalan, kerja-kerja memasukkan api letrik, kerja-kerja yang boleh kita memasukkan modal luar negeri ke negeri-negeri di Pantai Timur ini adalah sangat lemah dan sangat kekurangan. Sebagaimana kita boleh faham, umpamanya, Negeri Kelantan satu negeri yang sangat jauh daripada pelabuhan, daripada jalan, maka mustahaklah Kerajaan mengadakan infrastruktur yang dicadangkan itu dengan seberapa segera yang boleh, dan mustahaklah dibuat satu garis panduan yang betul-betul bagi mengembangkan perusahaan dan perindustrian berpandu kepada 30 peratus bumiputra yang dicadangkan oleh Kerajaan itu. Sebab kita tidak mahulah perkembangan yang ada di Pantai Barat dalam masa beberapa tahun yang lalu itu tidak dapat menunjukkan perimbangan di dalam ekonomi, dalam pembinaan itu berlakunya di Pantai Timur di negeri yang baru kita hendak majukan itu.

Pada masa ini sebagaimana yang saya tahu kawasan-kawasan perusahaan yang telahpun disediakan secara kecil-kecil di Kelantan itu belum lagi dapat menunjukkan hasil, belum ada perusahaan-perusahaan daripada luar negeri yang didatangkan ke Negeri Kelantan yang boleh memberi pekerjaan kepada anak negeri di sana. Di negeri-negeri lain usaha ini sangatlah hebat. Ketua Menteri Pulau Pinang menjelajah Eropah, menjelajah negeri-negeri sebelah timur, di sebelah Australia untuk membawa masuk modal, selain daripada usaha rombongan-rombongan dagang yang dihantar oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sendiri. Begitu juga di negeri-negeri lain, umpamanya Negeri Selangor daripada usaha tempatan itu sendiri tambah kepada usaha yang dibuat oleh Kementerian Perdagangan.

Saya rasa perlu Kementerian Perdagangan mengalihkan pandangan kepada negeri-negeri di Pantai Timur, menjemput mereka ini untuk dihantarkan ke luar-luar negeri supaya dapat memberi penerangan yang jelas kepada

pemodal-pemodal dari luar negeri yang ingin masuk, bukan masuk ke Pulau Pinang, bukan masuk ke Perak, bukan masuk ke Selangor tetapi masuk ke Negeri Kelantan, ke Negeri Trengganu, ke Negeri Pahang, negeri yang jauh daripada pelabuhan-pelabuhan.

Kita patutlah memberi terima kasih kepada Kerajaan kerana telah berusaha dalam membina pelabuhan di Kuantan dan juga membuka jalan di antara Kelantan dengan Pulau Pinang. Tetapi saya tidak tahu berapa jauh kemajuan yang telah dibuat bagi membuka jalan yang begitu penting bagi Pantai Timur iaitu jalan Timur-Barat yang telah disuarakan beberapa kali oleh Kerajaan. Pihak penduduk rakyat di negeri Pantai Timur tertanya-tanya bilakah jalan ini akan siap, berapa tahun lagikah jalan ini akan siap. Kalau sekiranya pekerja-pekerja Kerajaan umpamanya Jabatan Kerja Raya, tidak dapat menyiapkan jalan ini dengan sebegitu cepat, kalau perlu berikan kepada kontraktor-kontraktor luar negeri, umpamanya, yang besar-besar supaya dapat kerja-kerja itu disegerakan. Kita tidak mahu lagi menunggu 5 tahun, 6 tahun di hadapan kerana terlampau lama masa bagi tempoh 5 tahun yang mesti ditunggu oleh rakyat di Pantai Timur untuk mendapatkan kemudahan perjalanan di antara Pantai Timur dengan Pantai Barat.

Kalau sekiranya perlu Kerajaan patut berunding dengan Kerajaan Siam umpamanya perbetulkan Segenting Kra adakan pelabuhan di sana supaya kapal-kapal tidak lagi perlu pusing ke Singapura dan ke Selat Melaka, boleh potong sahaja ikut Segenting Kra yang mana akan menimbulkan satu keadaan yang baru, satu perkembangan ekonomi yang baru di sebelah utara Tanah Melayu kita ini. Ini adalah satu perkara yang sangat ditunggu-tunggu oleh rakyat yang ada di Pantai Timur. Rakyat yang miskin, rakyat yang perlu kepada pembangunan yang telah lama menunggu dan saya rasa dengan pencantuman Kerajaan yang ada pada hari ini dengan datangnya National Front yang merapatkan di antara dua parti yang memerintah dua negeri ini, maka saya rasa kerja-kerja ke arah ini dapat dijalankan dengan lebih cepat dan lebih sempurna.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak menyebutkan di sini ialah cara dan kaedah Kerajaan memberi sokongan dan

galakan kepada bumiputra menjalankan perniagaan. Pada masa ini beberapa perbadanan yang ditubuhkan oleh Kerajaan, sebagaimana Menteri Perdagangan kita berkata, perbadanan-perbadanan Kerajaan inilah yang sangat penting untuk mengambil peranan menggalakkan bumiputra menjalankan usaha kemajuan dalam perdagangan dan perusahaan. Saya suka hendak sebutkan di sini di antara banyak perbadanan-perbadanan ini ada satu perbadanan yang perlu diperbaiki iaitu Perbadanan Tabung Haji. Perbadanan Tabung Haji ini ialah ditubuhkan oleh Kerajaan untuk menjalankan usaha mengangkut dan menjaga Jemaah Haji dengan baik dan sempurna dan sekiranya perlu Badan ini juga boleh menggalakkan orang-orang Melayu dalam investment dan sebagainya. Bagi pihak syarikat orang Melayu, atau bumiputra yang saya tahu ada sebuah syarikat kapal terbang yang dinamakan Mecca Travel yang ditubuhkan di Johor. Saya tahu syarikat ini pada tahun yang lalu telah memohon lesen daripada Kerajaan menjalankan penerbangan Jemaah Haji daripada Malaysia ini ke Mekah dan ini satu syarikat yang sangat lama menjalankan pengangkutan Jemaah Haji ini dengan teratur dan sempurna. Saya suka terangkan di sini saya tidak ada modal ataupun faedah langsung di dalam syarikat ini; saya tidak ada kaitan apa-apa dengan syarikat ini, tetapi saya suka melihat syarikat bumiputra dapat menjalankan kerja dengan teratur, dengan baik dan patutlah digalakkan supaya menjadi satu syarikat yang maju. Pada tahun yang lepas, masa saya pergi ke Mekah, saya naik kapal yang diusahakan oleh bumiputra ini dan rakan-rakan saya yang lain naik kapal yang diusahakan oleh Tabung Haji. Orang yang naik kapal terbang Tabung Haji ini menjadi begitu kelang-kabut sehingga setengah-setengahnya keputusan wang terpaksa meminta sedekah di Bandar Jeddah sebelum pulang ke Malaysia, kerana tidak dapat ketentuan kapal untuk mengangkut penumpang-penumpang. Manakala syarikat kepunyaan bumiputra yang bebas ini boleh menentukan tarikh yang tetap tiap-tiap kali penerbangan dan perkhidmatannya. Tetapi apa yang saya tahu daripada syarikat bumiputra ini, barangkali pegawai-pegawai yang ada di Tabung Haji mempermainkan syarikat ini dengan cara lambat mengeluarkan lesen untuk mengangkut penumpang haji ini sehingga syarikat ini terpaksa menanggung kesusahan dan kerugian pada tahun yang lalu

kerana lambat mengeluarkan lesen sengaja dilambatkan atau bagaimana menyebabkan lambatnya keluar lesen dan lesen diberi itu tiap-tiap tahun, setahun sekali mesti di-baharui. Jadi syarikat ini terapung-apung, satu syarikat bumiputra yang dapat menjalankan kerja dengan teratur terapung-apung, dengan tidak mendapat jaminan, sokongan yang benar-benar daripada Perbadanan-perbadanan Kerajaan sendiri iaitu Lembaga Tabung Haji.

Saya tahu dalam tahun ini pun nampaknya kelambatan-kelambatan mengeluarkan lesen itu timbul yang mana mungkin akan menimbulkan kerugian kepada syarikat bumiputra. Ini satu daripada contoh Perbadanan Kerajaan merugikan syarikat bumiputra dalam zaman Kerajaan hendak menaikkan bumiputra, hendak menggalakkan bumiputra dan hendak menyokong bumiputra yang maju yang ada kebolehan untuk menunjukkan kemajuan. Kenapa mesti diperlambatkan usaha mengeluarkan lesen dibuat segala cara supaya syarikat-syarikat yang seumpama ini menempoh kesulitan-kesulitan yang pada satu hari akan tutup pintunya.

Saya rasa tidak adil kalau sekiranya Menteri yang berkenaan tidak mengambil tanggungjawab yang betul-betul menyiasat apakah kelemahan-kelemahan yang ada di dalam Perbadanan Tabung Haji ini. Kalau Perbadanan ini lemah kenapa tidak dapat diperbaiki sehingga kecoh di seluruh negara menceritakan hal Tabung Haji. Kenapa kita tidak boleh memperbaiki sistem perjalanannya, cara pentadbirannya, kalau perlu Tabung ini kita jadikan satu Trust Fund sahaja, dan tidak perlu diadakan subsidiary untuk menjalankan pengangkutan untuk berniaga itu dan untuk berniaga ini. Tabung Haji kita jadikan satu badan untuk mengumpulkan wang orang Islam hendak membuat investment dan hendak meninggikan mutu ekonominya, maka Tabung Haji menjadi seperti Trust Fund yang dapat mengumpulkan wang. Penerbangan ke Mekah boleh dijalankan oleh MAS sebagaimana yang telah diarahkan oleh Perdana Menteri. MAS boleh mengambil tanggungjawab sepenuhnya dan tidak perlu lagi subsidiary syarikat pengangkutan dan lain-lain.

Daripada pengalaman saya sewaktu pergi ke Madinah, pentadbiran Tabung Haji begitu buruk sekali sehingga orang yang duduk di Hotel Tabung Haji membayar wang dengan

tidak menerima resit dan tidak tahu kepada siapa hendak bayar wang. Saya membayar wang kepada khadam yang ada di dalam Hotel Tabung Haji itu, tidak kepada Pengurus Hotel Tabung Haji. Ini adalah satu cara pentadbiran yang sangat-sangat lemah yang patut diperbaiki. Kalau kita lihat satu badan yang begini penting tidak diperbaiki segera maka susahlah kita. Perbaikilah segera dan jadikan ia umpamanya satu badan yang mengumpulkan wang dan membuat investment bagi kepentingan orang-orang Islam yang hendak pergi ke Mekah. Itu sahaja sudah cukup, tidak payah hendak buat perniagaan sendiri, hendak mengangkut itu dan mengangkut ini. Itu pada fahaman dan pemikiran saya sebab perniagaan ini adalah satu perkara yang susah yang perlu kepada pakar-pakar yang mahir dalam menjalankan perniagaan. Kalau kita tidak tahu hendak menjalankan perniagaan pengangkutan kapal terbang, maka kita akan menempoh berbagai-bagai kesulitan, kerugian dan kesusahan. Jadi berilah kepada ahlinya untuk menjalankan pekerjaan itu.

Saya tunjukkan satu contoh dalam Dewan ini bagaimana satu perbadanan boleh merugikan satu syarikat orang Melayu, bermakna perbadanan berlawan dengan bumiputra sendiri. Ini satu daripada contoh, yang lain saya tidak nampak, barangkali banyak lagi contoh-contoh yang lain yang dapat kita lihat. Sepatutnya perbadanan menyokong bumiputra menjalankan perniagaan, bukan berlawan dan bukan bertanding dengan bumiputra. Ini usaha Kerajaan menggalakkan bumiputra dalam perdagangan dan perusahaan. Betullah sebagaimana kata Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian bahawa perbadanan-perbadanan inilah yang patut mengambil peranan yang penting untuk menolong bumiputra dalam perniagaan. Ada penyelewengan dalam badan-badan ini. Penyelewengan ini patut dihapuskan, amaran telah diberi. Saya rasa perlu bagi Kerajaan bukan sahaja beri amaran, tetapi memperbaiki atau mengambil tindakan yang wajar untuk memperbaiki kejadian-kejadian yang seumpama ini.

Selain daripada itu, dalam membawa usul ini saya rasa tidak perlulah saya memberi pendapat yang lanjut kerana daripada apa yang kita lihat pada hari ini boleh dikatakan kemajuan-kemajuan yang telah digerakkan oleh Kerajaan sungguh mengagumkan dan dapatlah kita katakan kita telah berjaya dan

dapat kita banggakan sehinggalah pada hari ini dan kita harap pada masa-masa hadapan kita akan dapat bergerak lebih maju dan lebih bersungguh-sungguh lagi dalam menuju kepada matlamat rancangan kita itu.

3.44 ptg.

**Dr Lim Ah Sitt:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong penuh atas cadangan yang telah dikemukakan oleh sahabat saya Yang Berhormat Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya iaitu suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong demikian bunyinya:

“Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-banyak syukur dan terima kasih kepada Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Keempat, Parlimen Yang Ketiga.”

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa bangga apabila diberi peluang menyokong persembahan terima kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Peluang diberi kepada saya ini ialah satu penghargaan yang sangat disanjung tinggi. Izinkan saya mengemukakan sedikit pandangan atas Titah Ucapan Kebawah Duli.

#### *Keselamatan Negara*

Yang pertama berkenaan dengan perkara Keselamatan Negara. Dalam Ucapan Di-Raja kita bergembira diberitahu bahawa keselamatan negara pada masa sekarang adalah terkawal dan bahawa di Sarawak lebih dari 500 penganas-penganas komunis telah meletakkan senjata. Ini adalah disebabkan kecekapan, keberanian dan ketabahan pasukan keselamatan, baik dari anggota polis atau anggota tentera ke atas perpaduan yang erat di antara rakyat dan sokongan serta kerjasama yang mereka berikan kepada Kerajaan, dan juga atas kesedaran penganas-penganas komunis bahawa perjuangan yang susah dan berpanjangan itu tidak berhasil dan akan mengakibatkan kerusakan kepada mereka dan keadaan huru-hara dan pembinaan dan kehilangan nyawa serta harta-benda kepada rakyat negeri kita. Penyerahan komunis beramai-ramai di Sarawak

itu membuka jalan yang baik kepada penganas-penganas komunis yang lain yang masih ada di dalam hutan untuk mencontohi langkah mereka dan jika mereka diberi layanan yang baik dan diberi tempat yang adil dalam masyarakat selepas penyerahan dirinya, tidak ada sebab kenapa penganas-penganas komunis masih bersembunyi di dalam hutan di Malaysia Barat tidak meletakkan senjata mereka. Diharapkan bahawa Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Yang Berhormat Menteri Pertahanan yang berdidikasi dalam serangan hutan anti-guerilla akan menggunakan kebijaksanaan dan strategi yang sama untuk menarik penganas-penganas komunis di Semenanjung Malaysia meninggalkan perjuangan bersenjata dan memulakan kehidupan yang baru supaya Malaysia dibebaskan daripada huru-hara komunis dan mewujudkan sebuah negara yang benar-benar bersatu, aman dan makmur.

#### *Inflasi*

Berkenaan dengan perkara Inflasi, dari Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong mengambil satu pandangan yang serious ke atas perkara ini dan telahpun menitikberatkan masalah penting, kerana inflasi dan tindakan-tindakan tegas yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mengawal dan mencegah kenaikan harga komoditi-komoditi bagi mengurangkan kesusahan rakyat khususnya yang berpendapatan rendah. Antara tindakan-tindakan yang diambil untuk mencegah inflasi, saya suka memberi sedikit pandangan, iaitu:

#### *(a) Subsidi Barang-barang Keperluan*

Kita bersyukur kepada Kerajaan kita untuk membelanjakan 400 juta ringgit atau lebih tiap-tiap tahun bagi mensubsidi barang-barang makanan yang tertentu seperti beras, gula, tepung, baja dan lain-lain supaya pengguna-pengguna dapat membeli barang-barang itu dengan harga yang lebih murah dan mengurangkan kesusahan rakyat yang miskin.

*(b) Pemansuhan atau kekurangan cukai impot dan eksais ke atas beberapa jenis komoditi dan melonggarkan sistem kuota untuk membolehkan barang-barang keperluan yang cukup bagi membantu mengurangkan harga-harga mereka.*

(c) Pembayaran Elaun Bantuan Khas kepada kakitangan Kerajaan untuk mencegah kenaikan belanja hidup. Ini telah menggalakkan pihak swasta mencontohi langkah Kerajaan ini untuk membayar elaun khas kepada pekerja-pekerja.

(d) Kami sukacita mengetahui bahawa Kerajaan juga memperuntukkan wang modal pusingan sebanyak 40 juta ringgit untuk mengadakan rancangan bantuan buku-buku teks bagi kanak-kanak yang tidak mampu. Ini adalah satu kurniaan kepada rakyat yang miskin dan saya berharap bahawa peruntukan ini akan terbuka semua kanak-kanak Malaysia yang miskin dan memerlukan tanpa mengira keturunan dan bahawa ia diuruskan dengan bijaksana dan adil.

(e) *Kempen Anti-Sorok*

Saya menyokong sepenuh-penuhnya pelaksanaan kempen yang penting dan perlu ini oleh Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Perdagangan dan Perindustrian Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn sebagai satu langkah untuk mencegah penyorokan barang-barang keperluan supaya barang-barang ini dapat dibeli oleh pengguna-pengguna dengan tidak bersusah-payah dan dengan harga yang berpatutan. Saya suka mengatakan bahawa kecuali medan perdagangan dan sektor saudagar yang tertentu dan berpengalaman takut, kuatir dan susah bila kempen itu mula dilancarkan, orang ramai sebenarnya menyokong dan menerima kempen ini dengan sesungguhnya. Dalam beberapa bulan terlancarnya kempen itu, maka akibat yang dituju itu telah tercapai sebagai terbukti kesenangan mendapatkan beberapa jenis barang-barang makanan keperluan dan juga kekurangan harga berbagai-bagai item. Atas kempen Anti-Sorok: saya suka mendesak Menteri Perdagangan dan Perindustrian.

(a) Mengambil perhatian yang lebih penting kepada "Ikan Besar"—kompleks sorok besar yang pada asalnya yang lebih penting dan yang mengakibatkan lebih kebinasaan dan jangan menyusahkan berlebih-lebihan kepada "ikan kecil"—pe-runcit-peruncit.

(b) Tiap-tiap kes penyorokan yang dilaporkan hendaklah disiasat dengan teliti dan berpatutan, memeriksa dan memeriksa lagi untuk memastikan kes penyorokan

yang benar-benar sebelum sebarang ram-pasan dilakukan, supaya saudagar-saudagar yang tidak bersalah tidak diusahakan dengan lapuran yang palsu diberi oleh orang yang sakit-hati, atau kerana tamakan hadiah kewangan yang dijanji oleh Kementerian ke atas maklumat itu.

(c) Lesen-lesen issued kepada saudagar-saudagar bagi barang-barang makanan yang terkawal hendaklah mengesahkan ke belakang lesen-lesen itu bukan sahaja 4 syarat biasa yang melakukan penyorokan tetapi juga kuantiti yang maksima ke atas tiap-tiap jenis barang untuk disimpan oleh seorang saudagar dalam sebulan dengan memperhatikan bahawa saudagar akan memerlukan lebih kuantiti sebelum sesuatu perayaan.

(d) Tanda harga atau price tagging ke atas semua barang makanan keperluan di dalam semua kedai memainkan peranan yang penting kerana ia membolehkan pengguna-pengguna mengetahui harga-harga lebih kurang sekarang ke atas barang-barang makanan keperluan supaya mereka tidak tertipu dan memberi peluang kepada mereka membandingkan harga-harga beberapa jenis barang-barang makanan di beberapa kedai dan mereka boleh memilih satu yang lebih murah. Tanda harga hendaklah dikuatkuasakan oleh pihak kuasa yang tertentu di seluruh negeri bukan sahaja di bandar besar tetapi juga di bandar kecil dan di kampung-kampung.

*Harga Kawalan ke atas Beras*

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Ucapan Di Raja, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah mengatakan kekhawatirannya ke atas kesusahan rakyat mendapatkan beras iaitu makanan pokok kita—dengan harga berpatutan, sungguhpun bekalan beras mencukupi. Untuk mengurangkan kesusahan, kawalan beras dilaksanakan pada 31hb Mei, 1974 oleh Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Yang Berhormat Datuk Hussein Onn sesudah menimbang semua yang berkenaan dengan teliti dan adil. Kita menyambut dan menyokong dengan sesungguhnya langkah penting ini dan mendesak bahawa semua pekilang dan saudagar beras dan orang ramai akan bekerjasama sepenuh-penuhnya, dengan Kerajaan untuk mencapai kejayaan. Beras ialah satu bahan yang amat penting dalam kehidupan kita dan dikatakan bahawa harga beras adalah

petunjuk mustahak ke atas harga komoditi-komoditi lain dan bahawa kenaikan atau keturunan harga beras akan tetap mempengaruhi harga komoditi-komoditi lain dan belanja hidup. Saya suka memberi sedikit pandangan untuk diperhatikan oleh pihak berkuasa yang berkenaan:

- (a) Pembezaan beras menjadi 16 jenis sebagaimana diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian, mungkin mengakibatkan keliruan pada mulanya dari suri-rumah biasa yang akan merasa susah untuk membezakan satu sama lain dan adalah terlampau penting bahawa sejenis beras dijual dalam kedai hendaklah menandakan oleh pekedai-pekedai dengan terang gred dan harga kawalan.
- (b) Pegawai-pegawai kawalan harga hendaklah melawat selalu ke setiap dan semua kedai runcit untuk melihat tidak ada campuran beras yang berlaku. Campuran yang saya maksudkan ialah mencampur beras berkualiti rendah atau beras hancur oleh saudagar-saudagar yang tidak beriman dengan beras bergred tertentu dan dijual dengan harga gred tertentu untuk mendapatkan keuntungan dengan lebih-lebihan.
- (c) Beras yang dihantar dari kilang hendaklah pada karungnya dicap dan dilabel dengan betul dan terang kualiti dan gred beras yang biasa dan tiap-tiap karong beras hendaklah mengesahkan berat standard 163 kati. Di atas ini adalah langkah-langkah kawalan beras untuk beras dihasilkan dari Malaysia dan saya mendesak Menteri memperlakukan demikian beras yang diimport dari luar negeri seperti Thailand, China dan negeri-negeri lain yang kita masih menggantung untuk menetapkan 100% beras yang mencukupi oleh rakyat kita.

Tuan Yang di-Pertua, semua langkah yang saya sebut di atas yang telahpun ditindak oleh Kerajaan seperti anti-sorok, tanda harga dan kawalan beras, kawalan harga, adalah langkah-langkah ringan (palliative) atau perubahan berdasarkan tanda (symptomatic) ke atas penyakit inflasi. Apa yang amat penting sebagai langkah pokok ialah untuk menetapkan kawalan komoditi-komoditi yang cukup

dan sentiasa supaya menggalakkan penguasaan dan perlumbaan bebas (free enterprise) dalam perdagangan dan tidak menggalakkan monopoli. Dari segi ini saya mendesak Kerajaan:

- (a) Menimbangkan semula untuk mengurangkan lagi sekatan-sekatan sistem quota supaya membenarkan import lebih barang-barang yang kita memerlukan selama langkah ini tidak membahayakan kepentingan industri tempatan kita dan;
- (b) Lebih jenis barang-barang hendaklah dibenarkan diimport dari negeri-negeri yang mana harga-harga yang lebih rendah seperti Republik Rakyat China, Taiwan, India, Thailand dan negeri-negeri lain di Asia Tenggara dan bahawa tiada cukai yang luar biasa tinggi dikenakan pada barang-barang import sebagaimana Kerajaan telah memperlakukan pada barang-barang import buatan China pada masa lalu.
- (c) Kerajaan hendaklah kenakan penahanan kepada eksport barang-barang makanan tempatan dan product-product tempatan yang kita memerlukan supaya tidak berkurangan bekalan untuk konsumsi tempatan dan kementerian negara kita.
- (d) Kempen "menanam lebih makanan" seluruh negara sebagaimana dinasihatkan oleh Perdana Menteri kita hendaklah dimulakan dengan menanam lebih makanan supaya membolehkan negeri kita mencukupi bekalan makanan. Kawasan hutan yang luas di dalam Malaysia boleh digunakan dengan berfaedah dan orang-orang yang tidak bertanah tanpa mengira keturunan di luar bandar atau di kampung, estate patut dikurniakan tanah hutan untuk menanam padi, biji-bijian, sayur-sayuran, buah-buahan dan peternakan, ternak lembu susu, kolam ikan dan lain-lain. Pada mulanya petani dan tempat ternakan ini hendaklah diberi subsidi kewangan dan bahan-bahan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin berucap sedikit dalam bahasa Inggeris.

(Dengan izin) Mr President, Sir, there is a genuine fear and anxiety among a major section of our Malaysian society of Chinese descent that sooner or later the Government

will convert the National-type Chinese primary schools into National Schools and, with it, the teaching, learning and preservation of the Chinese language, culture and literature will suffer and eventually die a natural death. As we all know, Article 152 of the Federal Constitution provides that the National Language is Malay but it also safeguards other languages by further providing that no person may be prohibited or prevented from using (other than for official purposes), or from teaching or learning, any other language. At the same time we are aware, Sir, that the Honourable Minister of Education is empowered to convert the National-type Schools into National Schools when and where he deems fit. The recent announcement by the Minister of Education that the National-type Schools (English medium) would be converted into National Schools in the near future is taken as a warning and prelude that the other National-Type Schools with Chinese and Tamil media would also be treated likewise. I am pleased to note that on the 23rd of April, the Minister of Education told the Dewan Rakyat that the Government has no intention of abolishing the National-Type Primary Schools, i.e. the Chinese and Tamil primary schools.

As the language problem, Sir, is an important and sensitive issue in relation to our national unity, I would request our Honourable Minister of Education to assure this House that he has said in the Dewan Rakyat—that there is no intention of abolishing the National-type Primary Chinese and Tamil Schools—would hold good permanently in keeping with the principles as laid down in Article 152 of the Malaysian Constitution. I would further urge the Minister to take a positive step to allay public fear and anxiety regarding this important issue, so that it will not be exploited by unscrupulous politicians.

Mr President, Sir, His Majesty's Speech, touching on the result of the recent M.C.E./S.P.M. Examination held last year, has expressed satisfaction over the better result being achieved in 1973 than in the year 1972, notably over the percentage of passes in Bahasa Malaysia among the non-Malays, many of whom have scored distinctions and who have taken seriously to the study of Bahasa Malaysia. Briefly, two distinct factors are noted in the last M.C.E./S.P.M. Examination: firstly, a better percentage of

passes in Bahasa Malaysia in the M.C.E. Examination and, secondly, the poor percentage of passes in science and mathematics in the S.P.M. Examination. In order to remedy the latter, the Ministry should make a thorough analysis of the causes and factors concerned which have contributed to the miserable failure in science and mathematics in the last S.P.M. Examination, and radical measures instituted accordingly.

Here, I would venture to suggest two factors: firstly, the importance of study of the English language and secondly the teaching of mathematics and science in the English language as a means of improving the science and mathematics standards in our schools, especially in the National-Type Schools.

Sir, it is a recognised fact that English is an international language and the language of science, and I think the Minister of Education, according to today's newspaper, has quite rightly said so, and if we want our children to be good and well up in science and technology and later to become doctors, engineers, scientists, etc. and to take part in our national construction and development, then we should not allow our education system to neglect the study of English and the use of English as the medium of instruction in the teaching of science and mathematics, especially the advanced science and mathematics, at least for the time being before our Bahasa Malaysia is in a position to substitute the English language for the teaching of science and mathematics; otherwise we would be lagging and left behind in this present world of science and technology.

It is to be noted that in many independent and developing countries, English and other languages like French and German are still being used as a language for the teaching of advanced mathematics and science for the advancement of science and technology to the benefit of the countries concerned. In this respect, I would urge our Ministry of Education to take a rather liberal view and allow the teaching of science and mathematics to be conducted in the English language.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*).

Mr President, Sir, allow me to touch on the problem of health menace caused by our present outbreak of dengue fever. The recent outbreak of dengue fever with haemorrhagic

tendency which started in Johore followed by Malacca, Selangor and other States is a matter of great concern to our health and deserves our urgent attention. As you all know dengue is a disease caused by virus and transmitted by the aedes mosquitoes which breed in stagnant water in and around the house and compound during certain seasons. In the past dengue fever had not received full and proper attention of our health authorities because of the small number of cases reported yearly and few fatalities. It is quite possible that owing to lack of laboratory facilities for proper diagnosis, a number of cases labelled as "Fever of unknown origin" in various hospitals before could have been dengue fever cases undiagnosed. Now with the outbreak of more cases of dengue fever with haemorrhagic tendency giving rise to more deaths and with better facilities for diagnosis, the number of cases of dengue fever reported suddenly has assumed an alarming number. Of this Johore is the most affected State. The total number of cases of dengue fever reported up to yesterday, if I am not mistaken, was 346 with 29 deaths. We are heartened to note that the Ministry of Health in conjunction with other Ministries and local authorities is combating the disease by the eradication of breeding places for aedes mosquitoes, the use of swing fogging machines, the *gotong royong* campaign, and publicity through mass media to arouse the general public to keep houses and compounds clean and free from mosquito breeding and report every suspicious case of dengue to the nearest Health Office and by sending cases with haemorrhagic to the hospitals for treatment.

But in spite of all these measures, the disease is still spreading, especially in Johore. I would therefore urge that: (a) The anti-dengue campaign should be intensified and stepped up in line with that of the anti-malaria campaign on a permanent basis. This could be done through the mass media—Radio, T.V. and newspaper, etc.; (b) Should persuasion and education fail to produce the desired effect, the Government should consider seriously the introduction of bye-laws in line with that of Singapore to impose suitable fines on those concerned who do not keep their houses clean and dry and free from the breeding of mosquitoes in and around their compounds; (c) more centres for adequate laboratory facilities for the

diagnosis of dengue fever should be set up throughout the country. As it is, the Institute of Medical Research is the only centre that has such laboratory facilities for doing so, and all specimens of blood for diagnosis have to be sent there which entails time, inconvenience and delay.

Sir, according to reports of the survey conducted by the Institute of Medical Research early this year, and published in the *Straits Times* today, the incidence of aedes mosquitoes breeding in households in six State capitals and fifty-six towns in Peninsular Malaysia is quite alarming. It was revealed that between 54-76% of the households surveyed were found to breed aedes mosquitoes which are the carrier of dengue fever virus and any town which has over 15% of its households breeding aedes mosquitoes is regarded as dangerous by the health authorities. Although no mention was made in this report of any survey being made in Johore, I take it for granted that the percentage of the households breeding mosquitoes must be very high, considering that Johore is the worst hit, especially in the districts of Muar and Batu Pahat.

I would urge the Health Department to intensify its efforts, in the house-to-house campaign to check mosquito breeding and give advice to the occupants of the house. Finally, what is most important is the whole-hearted co-operation of the general public. Every occupant of each house should do his or her duty to see that his or her house within and without does not give a chance for the breeding of mosquitoes, for only thus can we hope to stamp out dengue fever.

Akhirnya, saya ingin mengambil peluang ini mengucapkan ribuan terima kasih saya dan penghormatan yang mendalam kepada Perdana Menteri. Yang Amat Berhormat Tun Haji Abdul Razak kerana pimpinannya yang dinamis, bijaksana dan cekap yang memimpin dan memandu negeri ini ke arah sebuah negara yang bersatupadu, sihat, mewah dan makmur.

Kita di sini ingin mengesahkan sekali lagi kesetiaan, keyakinan dan kepercayaan kita kepadanya, dan kita mencurahkan segala tenaga, sokongan dan kerjasama ke atas konsep dan idioloji menubuhkan Barisan Nasional yang saya menyokong penuh dengan hati yang bersungguh-sungguh sebagai satu

langkah yang logik untuk mencapai kematangan politik (political maturity) dan sebagai satu organisasi di mana berbagai parti politik terdiri dari berbagai corak boleh disatukan dan berkerjasama untuk menjadi suatu tenaga yang dinamis dan mengambil bahagian dalam pentadbiran negara kita di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Tun Haji Abdul Razak. Barisan Nasional akan membantu menghapuskan salah persefahaman dan politik perkauman untuk kepentingan masyarakat dan negara seluruhnya dan mengujudkan sebuah negara yang adil, bersatupadu, progresif dan makmur.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mohon menyokong Usul ini.

4.20 *ptg.*

**Tuan Yeap Kheng Yam:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Datuk Nik Hassan yang mana satu usul mengucapkan terima kasih atas Ucapan Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada pembukaan Parlimen, Mesyuarat Pertama, Penggal Keempat, Parlimen Yang Ketiga pada 15hb April, 1974.

Saya suka mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Satu perkara yang sangat menarik hati di dalam Titah Ucapan yang disampaikan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong berkenaan Dasar Ekonomi Baru ialah Kerajaan akan meninggikan taraf hidup rakyat tanpa mengira kaum dan keturunan. Kerajaan telah juga memberi perhatian kepada masalah-masalah penduduk kampung-kampung baru berkaitan dengan tanah. Saya sangat gembira kerana Kerajaan sedia meluaskan kawasan-kawasan kampung-kampung baru yang sesak, mendapatkan kawasan-kawasan untuk bercucuk-tanam dan juga menggalakkan pengeluaran surat milik bagi lot-lot yang sekarang diduduki dengan Lesen Tumpangan Sementara atau TOL. Saya sangat sukacita mendengar salah satu berita riang iaitu Kerajaan telah juga memberi perhatian kepada masalah-masalah penduduk kampung-kampung baru berkaitan dengan tanah. Ini seperti yang saya telah cadangkan kepada Kerajaan dalam Mesyuarat Perbahasan Anggaran Belanjawan Kerajaan Persekutuan, 1974 pada 5hb Februari tahun ini, merayu kepada Kerajaan meluaskan kawasan-kawasan kampung-kampung baru yang sesak

supaya mendapat kawasan-kawasan untuk bercucuk-tanam, untuk perumahan dan juga menggalakkan pengeluaran surat milik bagi lot-lot yang sekarang diduduki dengan Lesen Tumpangan Sementara supaya meninggikan taraf hidup penduduk-penduduk di kampung-kampung baru.

Rayuan-rayuan saya yang tersebut di atas telah dapat persetujuan Kerajaan untuk memberikan perhatian kepada masalah-masalah kampung-kampung baru. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan dan sangat terhutang budi sekiranya tindakan seperti yang tersebut di atas itu diambil dengan seberapa cepat mungkin supaya penduduk-penduduk di kampung-kampung baru tidak ketinggalan lagi.

Berkenaan dengan pemberian wang secara langsung kepada kampung-kampung baru, izinkan saya sekali lagi merayu kepada Kerajaan supaya ditambahkan 10 kali ganda dari \$3 juta kepada \$30 juta baharulah mencukupi bagi menjalankan projek-projek untuk kemajuan kampung-kampung baru di seluruh negeri, kerana peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan hanya \$3 juta sahaja bagi tahun 1974 ini memanglah tidak mencukupi dan amat kurang jikalau dibandingkan dengan \$4.6 juta bagi tahun 1973, kerana kebanyakan projek masih belum dapat dilaksanakan lagi.

Masalah inflasi adalah perkara negara dan sejenis penyakit yang meluas di dunia ini. Saya berasa masalah inflasi ini bukanlah senang hendak dipadamkan semua sekali, akan tetapi saya percaya inflasi boleh diatasi dan boleh mengurangkan taraf inflasi ini dari semasa ke semasa kalau didapati kerjasama penuh dari rakyat jelata. Penyakit inflasi ini kita faham mesti ada punca yang menimbulkannya. Bagaimana kita mesti mengubati penyakit yang telah timbul patut dikaji dengan sebaik-baiknya supaya dapat diatasi di negeri kita. Kerajaan telah dan sedang mengambil beberapa tindakan yang tegas dan berguna bagi mengawal keadaan inflasi supaya tidak akan jadi buruk dan mengurangkan kesusahan-kesusahan rakyat. Langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan patutlah dialu-alukan.

Kita semua percaya kalau difikirkan harga barang-barang akan dapat diturunkan seperti tahun 1960 itu memanglah mustahil, kerana kita tidak boleh bermain pertunjukkan silap mata di hadapan rakyat. Kita berasa kalau

harga barang-barang dinaikkan tiap-tiap tahun dengan data-data kesetabilan itu maka tidaklah menjadi inflasi, akan tetapi masalah harga barang-barang telah melambong ke 12% dalam tahun 1973 sangatlah serious di dunia kita ini.

Sebenarnya, masalah inflasi adalah berkaitan dengan perkara-perkara berikut:

- (1) Kekurangan makanan dan bahan-bahan.
- (2) Bertambah-tambah ramainya manusia.
- (3) Keuntungan melebihi yang dibuat oleh saudagar-saudagar termasuk pemborong, peruncit dan pengilang; dan
- (4) Banyak wang membeli barang-barang kekurangan.

Langkah-langkah Kerajaan menghendaki kawalan terhadap penjualan beras, gula, tepung gandum, minyak tanah, minyak masak dan baja dan juga Kerajaan subsidi bahan-bahan ini berjumlah \$400 juta setahun untuk tujuan meringankan kesusahan-kesusahan rakyat, khasnya penduduk-penduduk di luar bandar. Kita mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kerajaan kerana Kerajaan yang kita pilih itu adalah Kerajaan, pemerintahan yang baik dan amal, maka patutlah dipuji dengan sepenuh-penuhnya.

Berkenaan dengan kawalan harga beras telah dikuatkuasakan mulai daripada 3hb Mei, 1974 ini di Semenanjung Malaysia dengan penjualan semua jenis bahan itu telah tertakluk kepada harga maksima yang ditetapkan oleh Kerajaan. Adalah menjadi kesalahan kepada seseorang peniaga menjual beras dengan harga lebih daripada harga maksima yang ditetapkan itu. Perintah itu adalah baik dan langkah yang diambil oleh Kerajaan patutlah dialu-alukan juga kerana ini akan meringankan kesusahan-kesusahan rakyat dan akan mengurangkan taraf inflasi.

Saya ada beberapa cadangan atas perintah tersebut itu seperti berikut:

Yang pertama, bekalan beras.

Kita semua tahu bekalan beras hanya 80% dikeluarkan dari tempatan negara kita dan masih 20% akan diimpot dari luar negeri seperti Negeri Thai dan sebagainya. Memangnya bekalan beras akan tidak mencukupi bagi negeri kita. Maka ini adalah suatu masalah yang kita takut bekalan beras akan terputus pada bila-bila

masa. Kerajaan diseru supaya berjanji masalah bekalan beras akan tidak menjadi masalah nanti.

Yang kedua, mengeluarkan lebih banyak tanah lagi, tanah simpanan Kerajaan kepada rakyat untuk menanam padi dan mencukupi pengeluaran beras. Tindakan ini adalah amat praktikal dan berguna supaya meluaskan kemahuan matlamat dari negeri kita.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat dtempohkan sekarang selama 15 minit.

*Persidangan dtempohkan pada pukul 4.30 petang.*

*Persidangan disambung semula pada pukul 5.03 petang.*

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*).

*5.03 ptg.*

**Tuan Yeap Kheng Yam:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyambung semula ucapan saya yang ditangguhkan sebentar tadi.

Yang ketiga, subsidi atas beras hendaklah dijalankan oleh Kerajaan dari masa ke semasa lagi kerana beras impot dari luar negeri memang akan naik harganya dan orang-orang yang berniaga beras tidak mampu mengimpot beras yang mahal dari luar negeri dan menjual beras dengan harga yang dikawal oleh Kerajaan didapati merugikan.

Yang keempat, perintah Kerajaan itu kecuali menetapkan notis mengenai harga maksima beras hendaklah dibuat di dalam Bahasa Malaysia patutlah juga dibenarkan dibuat dalam Bahasa China, Bahasa Inggeris dan Bahasa Tamil kerana dibuat demikian untuk tujuan memperluaskan pengumuman kepada orang ramai.

Yang kelima, Kerajaan diseru mengawal harga beras dengan sebaik-baiknya dan mengkaji harga beras supaya harganya diturunkan dan juga pegawai-pegawai yang bertugas itu hendaklah menjalankan tugas-tugasnya dengan sepatutnya supaya akan tidak menyusahkan peniaga-peniaga beras. Masalah harga gelap patutlah tidak akan timbul kalau berkerjasama dari semua pihak di seluruh negeri.

Tuan Yang di-Pertua, masalah perumahan. Langkah yang dijalankan oleh Kerajaan Pusat akan terus membantu mengeluarkan pinjaman wang kepada Kerajaan-kerajaan Negeri bagi menjalankan rancangan perumahan supaya lebih ramai rakyat termasuk anggota-anggota perkhidmatan awam, tentera dan polis berpeluang memiliki rumah mereka sendiri. Ini satu perintah yang baik dan dialu-alukan. Saya berharap kepada Kerajaan Pusat membantu mengeluarkan pinjaman wang kepada Kerajaan Negeri Perak dengan bertambah-tambah banyak lagi bagi menjalankan rancangan perumahan di Negeri Perak dengan secepat mungkin supaya melaksanakan projek perumahan secara besar-besaran yang diwujudkan itu bagi menampung penduduk-penduduk yang mengandungi guru-guru sekolah di Negeri Perak termasuk kampung-kampung baru di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Titah Ucapan . . . . .

**Puan Dasimah Dasir:** Tuan Yang di-Pertua, saya menarik perhatian bahawa Ahli Yang Berhormat itu membaca ucapannya.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Kadangkadangkang dia membaca.

**Tuan Yeap Kheng Yam:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa semua Ahli ada membaca ucapannya. Kalau begitu, hendaklah diberi peluang kepada semua Ahli.

**Tuan Haji Mohd. Saaid bin Haji Abu Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut Aturan dan Peraturan Mesyuarat seseorang Ahli tidak boleh membaca ucapannya.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Sila tumpukan ucapan Yang Berhormat kepada Yang di-Pertua.

**Tuan Yeap Kheng Yam:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Di dalam Titah Ucapan Baginda pernah menyatakan bahawa rakyat yang berpendapatan rendah adalah merupakan golongan yang teruk sekali mengerai inflasi ini adalah masalah yang besar dihadapi oleh negeri kita.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Dasar Ekonomi Baru atas inflasi ini, saya hendak menarik perhatian Kerajaan Pusat supaya mengambil tindakan mengenai perkara yang

saya akan kemukakan ini. Perkara ini berhubung dengan permohonan daripada teksi berkenaan dengan road tax—mengurangkan road tax. Saya dapat tahu sebab teksi berdiesel dengan 2,000 c.c. hendaklah dibayar road tax lebih kurang \$876.00 setahun sama dengan kereta private. Sebenarnya road tax bagi sebuah taksi atau kereta sewa dibayar cukai \$640.00 setahun sahaja dalam tahun 1966. Dan di dalam tahun 1967 telahpun diturunkan dari \$640.00 kepada \$400.00 setahun sahaja. Akan tetapi Kerajaan telah pun menaikkan road tax terlampau tinggi dari \$400.00 kepada \$800.00 setahun dari tahun 1968 dan sehingga Julai tahun 1970 lagi naik daripada \$800.00 kepada \$876.00 sehinggalah sekarang ini.

Pada masa inflasi sekarang ini kita semua tahu bahawa barang-barang naik terlampau tinggi, khasnya barang-barang keperluan termasuk juga barang-barang spare part untuk kereta-kereta motor, minyak diesel, harga tayar pun naik juga. Bayaran road tax dan insuran bagi teksi pun naik terlampau tinggi. Saya beri contohnya kereta teksi, kalau dalam 10 tahun umurnya hendaklah dibayar insuran dengan harga \$171 setiap tahun, tambah lagi 75% atau 125% kalau teksi itu umurnya lebih dari 10 tahun, akan tetapi tambang teksi tidak naik sedikit pun. Sungguhpun Yang Berhormat Timbalan Menteri Perhubungan telah berjanji di Dewan yang mulia ini pada 7hb Februari mengenai kenderaan pengangkutan penumpang beliau akan mengkaji tambang teksi dan kereta sewa mungkin dinaikkan, malangnya sehingga sekarang ini kita tidak dapat apa-apa jawapan dari pihak yang berkenaan. Sekiranya Kementerian Perhubungan tidak bersetuju menaikkan tambang teksi dan kereta sewa, kerana faedah orang ramai, maka saya sekali lagi menyeru kepada Kementerian yang berkenaan supaya bersimpati kepada kerumitan-kerumitan teksi atau kereta sewa iaitu mengurangkan road tax. Saya minta sekali lagi mengurangkan road tax bagi sebuah teksi atau kereta sewa dari 30% mulai tahun 1974 ini juga, kerana dengan berbuat demikian akan mengurangkan kesusahannya pemandu-pemandu teksi di seluruh negeri.

Saya bersetuju dengan cadangan dari Yang Berhormat Datuk Nik Hassan iaitu mengenai kawalan syarikat-syarikat pemodal dari luar negeri khasnya syarikat-syarikat insuran, kerana saya telah mendapat pengaduan-pengaduan dari Persatuan Pemilik dan Dreber

Teksi Kinta Perak termasuk juga bumiputra yang menjalankan perkhidmatan teksi kerana kesulitan membeli insuran dan perkara premium insuran. Saya rasa pengaduan mereka hendaklah dipandang dengan adil dan kesulitan yang timbul itu kita adalah bersimpati. Dari pandangan itu nyatalah bahawa syarikat insuran telah menindas dan memeras kepentingan mereka.

Saya sangat bersimpati dari pengaduan ahli-ahli persatuan itu termasuk bumiputra dan disampaikan kepada Kementerian yang berkenaan untuk makluman dan untuk mengambil tindakan. Saya berharap kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mengambil tindakan yang adil bagi menolong mengatasi kesulitan mereka dan mengambil tindakan keras kepada semua syarikat insuran supaya mereka semua mesti menerima pembelian insuran untuk ahli-ahli Persatuan Teksi atau Kereta Sewa.

Saya bagi pihak persatuan teksi itu juga memohon kepada Ketua Pengarah Insuran Malaysia, ubahlah aturan-aturan membeli insuran supaya yang dipandang kurang menasabah kepada pemandu-pemandu teksi dan kereta sewa yang menjalankan perkhidmatan teksi. Pengaduan-pengaduan itu adalah seperti berikut:

Yang pertama, baru-baru ini syarikat insuran telah mengambil satu langkah yang tidak adil saya rasa iaitu jikalau sesebuah kereta teksi yang melakukan accident jika dilaporkan kepada syarikat insuran yang berkenaan itu, maka pihak insuran meminta pemandu itu memberikan 50% jumlah yang asalnya ditambah. Dalam perkara menambahkan 50% premium insuran ini syarikat insuran yang berkenaan tidak mahu memerhatikan accident itu samada kesalahannya atau lawannya, kerana sebelum mahkamah menjatuhkan hukuman kepada mereka telahpun dihukum oleh syarikat insuran dengan beratus-ratus ringgit secara menambahkan premium itu. Pihak pemandu dan pemilik terpaksa mematuhi tekanan ini kerana jikalau mereka tidak bersetuju misalnya, syarikat insuran itu akan mengeluarkan kepadanya satu notis selama tempoh 7 hari menyatakan bahawa perjanjian pembelian insuran antara dua pihak itu akan dibatalkan dengan segera.

Yang kedua, pihak syarikat insuran berkuasa memberi notis dalam masa 7 hari hendak membatalkan perjanjian pembelian

insuran itu mesti dinyatakan dengan terang alasan-alasan atau keadaan-keadaan yang tetap sebagai dasar syarikat insuran. Langkah ini hendaklah diambil. Sekiranya tidak, pihak pembeli insuran tidak langsung mendapat jaminan dari perjanjian pembelian insuran yang telah diakui oleh dua pihak.

Yang ketiga, keutamaan N.C.B. (No Claim Bonus) sepatutnya diminta oleh kereta teksi yang tidak melakukan accident tetapi telah dijatuhkan hukuman dalam mahkamah yang didapati tidak bersalah. Dalam perkara ini pihak insuran tidak menggantikan apa-apa kerugian dalam perbicaraan. Insuran yang mereka beli biasanya tepat sahaja. Buat masa sekarang kejadian ini telah menyebabkan mereka mengalami kerugian kerana keutamaan N.C.B. dirampas oleh syarikat insuran sungguhpun mereka tidak bersalah dalam accident yang berlaku itu.

Yang keempat, dalam negara kita terdapat lebih kurang 100 buah syarikat insuran dan berjuta-juta ringgit keuntungan telah didapati setiap tahun dalam perniagaan syarikat insuran itu. Dari syarikat-syarikat insuran itu hanya sebuah sahaja insuran yang menerima pembelian insuran teksi-teksi iaitu The People's Insurance Company Berhad of Malaysia dan syarikat yang lain menolak sama sekali pembelian insuran teksi. Mereka khuatir kiranya pada suatu hari syarikat ini-pun menolak pembelian insuran teksi mereka, maka perkhidmatan teksi, saya rasa akan dilanjutkan lagi. Saya berharap bahawa keadaan semacam ini patutlah diubah dengan adilnya.

Memandangkan kepada kenyataan yang tersebut di atas itu, maka diharap Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mengambil tindakan yang adil serta menasabah untuk menolong pemandu-pemandu teksi atau kereta sewa mengatasi kesulitan yang dikemukakan ini dengan seberapa cepat mungkin.

Akhirnya, berkenaan dengan kenaikan harga minyak petrol. Kerajaan telah mengumumkan bahawa harga minyak petrol, kecuali minyak diesel telah dinaikkan harganya mulai 9hb Mei tahun ini. Saya berasa dukacita ke atas kenaikan harga minyak petrol ini adalah lebih tinggi dari kenaikan yang pertama pada bulan Disember tahun lalu.

Kita semua tahu harga segelen minyak petrol 'Super' sekarang \$3.10 sen, harga lama \$2.50 sen. Harga minyak petrol biasa ialah \$2.75 sen, yang lama \$2.32 sen. Harga minyak tanah 76 sen segelen, yang lama 71 sen dan minyak hitam 61 sen sekarang, yang lama 45 sen.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana keterangan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama, Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud, baru-baru ini atas kenaikan minyak petrol, katanya: kerana berikutan dengan kenaikan harga minyak mentah dan harga yang ditentukan di Timur Tengah mulai bulan Januari tahun ini, dan Kerajaan telahpun membuat kajian dengan teliti dan berpuashati dengan keadaan kenaikan harga minyak mentah itu. Saya berasa kenaikan harga minyak amatlah tidak sesuai dengan begitu lebih tinggi sekali dari kenaikan harga minyak yang berlaku pada bulan Disember tahun lalu, sudah dua kali naik harga minyak petrol dalam 5 bulan sahaja tidaklah sesuai dan tidak sihat dengan keadaan inflasi pada masa sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kenaikan harga minyak ini adalah diberikan peluang kepada syarikat-syarikat minyak dapat membuat keuntungan lebih banyak termasuk penjual minyak, kerana berita kenaikan harga minyak yang dibuat oleh Kerajaan pada masa yang awal telah bocor kepada mereka yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri yang berkenaan juga menerangkan bahawa kenaikan harga minyak petrol ini tidak melibatkan orang yang berpendapatan rendah, kerana mereka tidak punya kenderaan, tetapi akan melibatkan ramai pemilik kenderaan yang memiliki kereta bukan kerana senang sahaja tetapi kerana dengan sesuatu keperluan tiap-tiap hari. Ini adalah terlibat kepada pengguna-pengguna kereta yang berpendapatan sederhana akan bertambah lebih belanja hidup mereka pada tiap-tiap hari. Saya suka di sini, akhirnya mencadangkan kepada Kerajaan untuk tindakan seperti di bawah ini.

Pertama, saya seru kepada Kerajaan supaya memiliknegerakan perusahaan minyak bagi memastikan tidak ada syarikat minyak membuat keuntungan lebih di negeri kita. Langkah ini patutlah diambil dengan segera untuk kepentingan rakyat dan untuk kepentingan negara.

Kedua, dikurangkan cukai ke atas minyak yang diimpot itu supaya harga tidak tinggi lagi. Ini adalah lojik pada masa sekarang kenaikan harga minyak yang dibuat pada masa inflasi sekarang.

Ketiga, Kerajaan diseru juga supaya meminta syarikat-syarikat minyak mengumumkan harga minyak mentah yang telah dikatakan naik itu supaya dibandingkan dengan kenaikan harga itu samada sesuai atau lojik. Jikalau dikatakan lebih untung atau untung besar maka patutlah harga minyak yang telah dinaikkan itu diturunkan semula dengan sertamerta.

Akhirnya, yang keempat, sungguhpun syarikat minyak termasuk Shell, Esso, BP dan lain-lainnya telah mendapat keuntungan yang besar, keuntungan berjumlah sebanyak \$1.818 juta hanya dalam 3 bulan pada tahun ini bagi syarikat minyak Shell. Kita bersimpati dengannya jikalau keuntungan kurang sebab harga mentah naik, tetapi kalau keuntungan besar dan harga minyak naik pula, ini tidak patut. Saya hairan mengapa Kerajaan membenarkan permohonan syarikat-syarikat minyak menaikkan harga minyak. Saya rasa sangatlah tidak adil kepada rakyat kita. Saya menyeru kepada Kerajaan supaya mengkaji semula atas harga minyak ini dengan segera.

5.25 *ptg.*

**Tuan Ooi Eng Hong:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa amat berterima kasih kerana mendapat peluang untuk berucap menyokong Usul Ucapan Terima Kasih yang dikemukakan oleh rakan saya Yang Berhormat Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya untuk dipersembahkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Dalam menyokong usul ini, saya juga mengambil peluang menyentuh beberapa perkara yang penting. Semenjak negara kita telah merdeka sehingga sekarang sudah hampir 20 tahun, dengan kebijaksanaan pemimpin-pemimpin kita negara Malaysia amat terkenal di mata dunia tentang berbagai-bagai lapangan kemajuan, dari segi ekonomi yang sedang makmur, penyusunan masyarakat yang adil dan sistem pentadbiran yang sangat sempurna dan teratur. Saya sendiri berasa sangat bangga kerana pegawai-pegawai dalam negara kita ini begitu cekap dan penuh dedikasi.

Berkenaan dengan Negeri Kedah, Negeri yang menjadi rumah saya adalah salah sebuah Negeri yang sedang membangun dalam Malaysia ini yang tidak kurang mempunyai Pegawai-pegawai Civil Service yang cekap dan terlatih. Tetapi sayang sekali, pegawai-pegawai ini telah ramai keluar untuk mendapatkan jawatan-jawatan lain dengan badan-badan berkanun, M.C.S. dan juga dengan pihak-pihak swasta yang menawarkan tanggagaji yang lebih tinggi. Ini adalah disebabkan sekim gaji Pegawai Civil Service Negeri Kedah tidak begitu menarik kepada mereka.

Dengan sebab "brain drain" ini saya berasa tersangat bimbang tidak berapa lama lagi Negeri Kedah akan kekurangan Pegawai-pegawai Civil Service yang cekap dan berkali-ber. Jika dibiarkan keadaan ini berlaku kecekapan pentadbiran yang sedang dibanggakan oleh Negeri Kedah akan kurang mutunya dan mengganggu proses-proses pembangunan yang sedang dijalankan oleh negeri itu. Oleh itu, saya dengan bersungguh-sungguh merayu semoga Kerajaan Persekutuan menimbang-perkara ini dengan penuh serious supaya tanggagaji Pegawai-pegawai Civil Service Negeri Kedah dikaji dan disusun semula dengan seberapa segera supaya sama dengan sekim-sekim lain yang berkehendakkan kelayakan (academic qualification) yang sama. Jika tidak kejadian "brain drain" akan terus berlaku lagi dan pentadbiran awam serta pembangunan Negeri Kedah akan menghadapi satu masa yang tidak cemerlang. Memanglah benar keteguhan pentadbiran Kerajaan Pusat dan Kerajaan-kerajaan Negeri adalah bergantung antara satu dengan lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga merasa amat berterima kasih kerana dalam Titah Ucapan Seri Paduka Baginda ada menyebutkan perkara menambah wang (grant) kepada negeri-negeri yang sedang membangun tetapi menghadapi kekurangan wang. Ini adalah satu langkah yang sangat bijak yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan dan saya beri setinggi-tinggi kepujian. Sebilangan besar penduduk-penduduk Negeri Kedah yang berjumlah lebih dari satu juta orang itu adalah terdiri dari penduduk-penduduk kawasan luar bandar yang sangat perlukan pembangunan. Saya berharap Kerajaan Pusat akan lebih murah hati memberikan wang grant yang cukup bagi menjalankan dengan segera berbagai-bagai kemajuan, khususnya di kawasan luar bandar yang menjadi kawasan tani

dengan kerana tidaklah dapat dinafikan bahawa negara kita adalah banyak bergantung kepada kaum tani di negeri itu yang mengeluarkan beras sebagai makanan yang utama rakyat negara ini. Kita percaya kemajuan kaum tani adalah anak kunci kepada ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyebut sedikit mengenai Pejabat Pendaftaran Kereta-kereta Motor di Alor Star. Nampaknya semenjak pengeluaran lesen-lesen pemandu yang baru pejabat tersebut sangat sesak dengan orang ramai yang hendak membarui lesen sehingga timbul berbagai komplikin. Ruangan pejabat itu semakin sempit dan kakitangannya yang sedikit itu tersangat sibok tidak dapat memberi layanan yang sempurna kepada orang ramai. Saya syorkan kepada pihak yang berkuasa menambahkan ruang pejabat itu serta bilangan anggota-anggotanya dengan seberapa segera sebagai langkah sementara, supaya orang ramai yang menjadi pembayar cukai itu tidak merasa terlampau susah. Sava lihat orang ramai bersesak di situ hingga berjam-jam lamanya di luar bangunan pejabat itu ditengah panas dan hujan. Walaupun ada satu cadangan hendak membina satu pejabat baru bagi R.I.M.V. di Alor Star tetapi tentulah akan memakan masa yang panjang lagi dan sementara menunggu masa itu orang ramai tidaklah patut dibiarkan susah untuk sepanjang masa itu.

Saya faham Pejabat Kereta Motor Negeri Kedah dalam masa tiga tahun telah memungut hasil lebih dari \$3 juta dari orang ramai. Oleh itu, saya fikir tidaklah menjadi berat kalau dibelanjakan sedikit dari wang hasil itu untuk meluaskan ruang pejabat itu dan staff ditambah sebagai langkah sementara untuk faedah orang ramai. Langkah ini, Tuan Yang di-Pertua, akan memelihara imej Kerajaan kita sendiri.

5.34 ptg.

**Puan Dasimah Dasir:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin turut mengambil bahagian atas Usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Datuk Nik Hassan mengenai Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, maka bagi pihak saya mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Seri Paduka Baginda yang mana telah memberi keizinan dan kemurahan hati memberi Titah Ucapan itu supaya dibahas oleh Ahli-ahli Dewan ini. Apakah yang saya

muskhilkan. Tuan Yang di-Pertua ialah banyak perkara-perkara yang telah dititahkan oleh Seri Paduka Baginda tetapi setengah-setengah pihak di Kementerian tidak memberi kepuasan hati kepada rakyat atau kepada Ahli-ahli di dalam Dewan ini.

Yang pertama, saya suka menyentuh berkenaan talivisyen. Walaupun Kerajaan telah memungut hasilnya, tetapi yang membayar hasil itu adalah rakyat di seluruh negeri kita ini. Mengapakah bila ada sesuatu perjumpaan atau sesuatu keramaian, tidak ditayangkan atau tidak ditunjukkan di dalam talivisyen? Yang ditunjukkan hanya muka Menteri sahaja, bilamana ada syarahan, parti atau apa sahaja muka beliau sahaja yang dapat dilihat. Ini saya menyentuh dalam soal parti. Parti UMNO ini ialah parti Kerajaan Perikatan yang memerintah, mengapakah tidak ditunjukkan apa yang dibuat oleh Parti Kerajaan sendiri? Adakah di talivisyen ini hendak menjadi inflasi juga? Perkara ini sangat-sangat tidak patut.

Yang kedua, ada Ahli-ahli Dewan ini bila bercakap, muka dia sahaja ditunjukkan di talivisyen. Ada setengahnya pula tidak ada, mengapa? Jangan kata dalam T.V. dalam siaran radio pun tak ada. Ini tidak patut. Bila Ahli-ahli Dewan ini bercakap, mestilah ditunjukkan apa yang telah diucapkan oleh Ahli Dewan ini.

Yang ketiga, saya ingin menyentuh berkenaan dengan jururawat-jururawat (nurses) di hospital-hospital di seluruh Malaysia ini. Jururawat-jururawat itu telah datang mengadu kepada saya, sebagai seorang Wakil Wanita di Dewan ini agar menyuarakan kedudukan perkhidmatan mereka. Walaupun mereka berkelulusan rendah dan tidak berkelulusan tinggi, tetapi gaji mereka itu sangat rendah dan tak berpatutan diberi oleh Kerajaan. Kelulusan itu janganlah dipandang sangat, sebab kerjanya sama. Walaupun tidak diberi dengan sepenuhnya, tetapi Kerajaan hendaklah pertimbangkan dengan seadil-adilnya supaya diberikan tambahan gaji jururawat-jururawat yang ada di hospital sekarang ini. Banyak kerja-kerja yang dijalankan: segala najis diangkat oleh mereka itu. Sepatutnya kita memberi kehormatan kepada wanita-wanita yang menjadi jururawat itu.

Yang keempat, Yang Berhormat Datuk Nik Hassan menyentuh mengenai Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang telah banyak

membuat rancangan-rancangan yang mana telah dijalankan. Walaupun begitu, bagi pihak kami di Pulau Pinang belumlah puas hati apa yang telah dijalankan oleh Kerajaan, kerana bukan semua yang mendapat kemewahan dan kelebihan yang telah diberi oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Rakyat di Negeri Pulau Pinang ini adalah rakyat yang taat setia kepada Kerajaan. Walaupun Kerajaan itu tak elok, mereka tak bercakap, sebab sayangkan kepada Kerajaan atau kepada Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak, Perdana Menteri kita.

Yang kelima, mengenai pinjaman-pinjaman. Banyak Menteri-menteri telah membuat ucapan di rapat umum atau membuat syarahan di mana-mana sahaja menyatakan, kalau sesiapa hendak berhutang untuk berniaga maka pinjaman itu akan diberi dengan senang, tetapi saya juga berasa sedih bahawa ramai ahli-ahli berniaga yang hendak meminjam wang tetapi susah hendak diberi. Sebagai seorang Yang Berhormat dari Pulau Pinang, saya hendak tahu berapa orangkah yang dapat saya jamin kalau orang itu tak dapat bayar? Di manakah saya akan mengambil wang untuk membayarnya? Ini tidak patut dibuat kepada simiskin itu. Saya berharap kalaulah diberi pinjaman oleh Kerajaan hendaklah dengan cara yang mudah supaya pinjaman-pinjaman yang kecil itu tidak menyusahkan kepada rakyat seluruhnya.

Yang keenam, sebagaimana saudara saya tadi bercakap berkenaan petani dan nelayan belum ada perubahan lagi. Telah beberapa kali kita membuat ketetapan dan telah meminda undang-undang tetapi saya melihat keadaan di negeri saya sendiri, tidak tahulah di tempat lain, belum disempurnakan sebagaimana yang dikatakan oleh Kerajaan. Jika Tuan Yang di-Pertua kata saya bercakap bohong, silalah pergi ke Pulau Pinang melihat di Tanjong Bunga kedudukan mereka itu.

Saya tidak hendak bercakap panjang, sebab kalau saya tidak bercakap di Dewan ini atas Titah Ucapan Di-Raja ini, saya rasa menyesal sebagai seorang wanita, dan saya berdoa kehadiran Allah muga-muga Kerajaan ini akan berlanjutan memimpin negara kita yang dikasihi.

5.41 *ptg.*

**Tuan Ibrahim bin Haji Yaacob:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun memberikan ucapan setinggi-tinggi terima kasih dan tahniah kepada yang saya kasihi, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana menyampaikan Titah Ucapannya pada Ahli-ahli Dewan Negara dan Ahli-ahli Dewan Rakyat pada 15hb April yang lalu. Di dalam Titah Ucapan Baginda itu, saya telah mengambil beberapa points dan saya sampaikan kepada Kerajaan untuk diambil tindakan, jika diperlukan.

Yang Pertama, di dalam Titah Ucapan Baginda itu, ada menyebutkan iaitu seramai 500 orang kominis telah menyerah diri di Sarawak dari pertolongan jiran kita, Kerajaan Indonesia. Maka saya hairan mengapa pula Kerajaan Negeri Siam tidak dapat menolong kita menghapuskan kominis-kominis yang lari ke Siam dari negara kita. Walhal kita telah berunding dengan Kerajaan Siam berpuluh-puluh kali. Saya mencadangkan kepada Kerajaan iaitu sudah sampai masanya kita minta pertolongan yang akhir pada Kerajaan Siam untuk menghapuskan kominis di negara kita ini. Kerana saya diberi tahu segala kominis di dalam hutan di Utara Malaysia apabila diburu lari ke Negeri Siam dan baru-baru ini saya terbaca dalam Asia Magazine bertarikh 28-4-74 yang berbunyi: "Lebih kurang 1,000 kominis di Selatan Siam bersempadan dengan Malaysia." kita minta pertolongan yang akhir kepada Kerajaan Siam jika Kerajaan Siam tidak sanggup menolong seperti Kerajaan Indonesia, maka kita terpaksa mengambil langkah yang sewajarnya memutuskan perhubungan sementara waktu dengannya. Jika kita putus perhubungan kita dengan Kerajaan Siam sementara waktu, maka kominis yang kena buru, di Utara Malaysia tidak dapat lagi lari ke Siam. Pada masa ini senjata-senjata yang digunakan oleh perompak-perompak, gangster-gangster dan kominis dalam hutan semuanya datang dari negara itu. Kita tidak boleh check sebab sempadan kita dengan Siam penuh dengan hutan rimba. Inilah cadangan saya pada Kerajaan minta pertolongan yang akhir pada Kerajaan Siam.

Yang kedua, di dalam Titah Ucapan Baginda itu berkenaan inflasi. Saya fikir, kita tidak usah gaduhkan hal inflasi ini sebab inflasi ini mengenai serata dunia. Saya baru sahaja balik dari London, harga barang-

barang di sana berganda-ganda mahal lagi dari negara kita. Apa yang kita patut ambil berat sekarang ialah barang-barang yang disorokkan. Kita mesti tegas. Kita tahu orang-orang yang menyorokkan barang-barang ini bukanlah rakyat kita. Orang-orang yang berniaga ini kebanyakan tidak ada Sijil Kerakyatan dan tidak taat kepada Kerajaan kita. Mereka tahu cari wang untuk kaya. Maka ubatnya tidak lain dan tidak bukan apabila dapat ditangkap hantarliah balek ke negeri asal mereka, samada di Indonesia dan sebagainya. Kalau rakyat kita, ada Sijil Kerakyatan, senang kita hukum iaitu jel sampai mati. Pada pendapat saya, orang-orang yang berniaga yang menyorokkan barang-barang makanan ini untuk dijual mahal-mahal dan cari untung banyak ialah satu tektik kominis, serupa juga dengan kominis yang berterang-terang dalam hutan itu menyusahkan rakyat.

Yang ketiga, dalam Titah Ucapan Baginda ini, saya memberi setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan kerana memberi Elaun Bantuan Khas kerana harga barang-barang mahal. Yang saya hairankan ada banyak lagi swasta-swasta yang tidak mengikuti perbuatan Kerajaan itu. Sepatutnya segala swasta-swasta yang taat kepada Kerajaan kita sewajibnya mereka mesti ikut apa Kerajaan buat dengan tidak payah menantikan arahan dari Kerajaan. Tetapi mereka tidak taat, cuma hendak mencari untung yang banyak dalam perniagaan mereka dan kaya lekas. Saya merayu kepada swasta-swasta pada hari ini yang belum membayar Elaun Bantuan Khas itu tolonglah bayar dengan segera.

Yang keempat, dalam Titah Ucapan Baginda itu berkenaan dengan bantuan buku-buku teks pada orang-orang miskin sejumlah \$40 juta. Saya merayu kepada Kerajaan mulai dari tahun 1975 Kerajaan Pusat dan Kerajaan-kerajaan Negeri hendaklah memberi buku percuma (free text books) kepada murid-murid sekolah dari Tingkatan I hingga Tingkatan VI. Rakyat yang mempunyai anak-anak yang bersekolah cuma kena beli buku untuk anak-anaknya dari darjah I hingga darjah VI sahaja, kerana harga buku-buku dari darjah I hingga darjah VI sangat murah. Tetapi harga buku dari Tingkatan I hingga Tingkatan VI mahal dan murid-murid ini kena membayar School Fees. Itulah pendapat dan pandangan saya kepada Kerajaan.

Yang kelima, dalam Titah Ucapan Baginda itu berkenaan dengan beras. Masih ada rakyat kesulitan untuk mendapatkan beras. Ubatnya, Tuan Yang di-Pertua, rakyat hendaklah diberi tanah untuk bertanam padi. Kita banyak hutan-hutan yang boleh ditanam padi, iaitu padi darat. Pada masa pemerintahan Jepun, saya sendiri bertanam padi darat, iaitu di satu Bukit, di Batang Kali, Ulu Selangor. Saya percaya, kalau rakyat diberi tanah untuk bertanam padi banyak rakyat yang mahu menanam padi. Ini satu dari ubatnya supaya banyak beras. Begitu juga kita banyak tanah-tanah paya di merata Malaysia ini patut dikerjakan oleh rakyat untuk ditanam padi, tetapi hendaklah diberikan tanah-tanah itu dan diperintahkan mereka mengerjakan sawah-sawah itu. Saya juga hairan. Kerajaan baru-baru ini berkata akan mengontrol harga-harga barang seperti beras dan lain-lainnya, tetapi saya hairan beras pula naik. Sepatutnya apabila harga barang-barang itu dikontrol oleh Kerajaan patutnya turun dari harga yang ada sekarang. Kalau harga bertambah naik, saya fikir tidak payah dikontrol, biarlah bebas.

Yang keenam, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan kerana akan membesarkan lapangan-lapanganterbang antarabangsa Pulau Pinang, Kuching, Kota Kinabalu dan juga saya berharap Lapangan-terbang Antarabangsa Subang akan diperbesarkan lagi. Apa yang saya hendak merayu kepada Kerajaan iaitu tambang kapalterbang MAS kita sudah naik. Bagi orang-orang Malaysia yang hendak pergi ke Sabah dan Sarawak berkehendakkan paspot dan sebaliknya, walhal Sarawak dan Sabah sudah masuk ke dalam Malaysia. Saya berharap dan merayu kepada Kerajaan supaya tambang MAS kedua-dua Negeri itu—Sabah dan Sarawak diturunkan balik seperti biasa dan juga paspot tidak payah dikenakan supaya ramai orang-orang Malaysia dapat melawat Sarawak dan Sabah. Dengan ramainya orang-orang Malaysia melawat Sarawak dan Sabah tali persaudaraan kita akan bertambah-tambah rapat dan kekal. Inilah rayuan saya.

Tuan Yang di-Pertua, yang ketujuh, dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, saya suka menyentuh berkenaan dengan rumah murah untuk rakyat yang bergaji kecil, termasuk bekas-bekas parajurit dan bekas-bekas polis. Saya hari-hari menerima

rayuan dari kakitangan-kakitangan Kerajaan, orang awam, bekas-bekas perajurit dan bekas-bekas polis. Mereka berkehendakkan rumah, tempat tinggal kerana yang datang ke Negeri Selangor ini ialah dari semua negeri dalam Malaysia dan ramai pula dari bekas-bekas perajurit dan bekas-bekas polis yang telah tamat perkhidmatannya tidak mahu balik ke negeri masing-masing, semuanya hendak tinggal di Wilayah Persekutuan dan semuanya berkehendakkan rumah murah. Kerajaan mestilah mendirikan banyak lagi rumah-rumah murah atau flat-flat; tanah kosong banyak khususnya di kawasan saya Batu.

Berkenaan dengan jalanraya pula, saya merayu kepada Kerajaan supaya jalan ke Segambut, ke Sentul Pasar, ke Jinjang dan ke Kepong diperbesarkan lagi dengan seberapa segera sebab kereta terlampau banyak melalui jalan-jalan ini, tetapi jalanrayanya sangat sempit dan buruk.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan bas. Saya fikir taukeh-taukeh bas terpaksa membeli banyak lagi bas-bas untuk Setapak, Gombak, Jinjang, Kepong, Sungai Buluh dan Kuang dan untuk Petaling Jaya. Teksi tidak cukup dan tambangnya pula mahal. Saya sangat kasihan menengok murid-murid sekolah pagi dan petang beribu-ribu murid menunggu bas hendak balik ke rumah masing-masing dan pergi ke sekolah pagi-pagi hari.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan kelinik, saya merayu kepada Kerajaan supaya membuat kelinik di Jinjang Utara, Jinjang Selatan, di Segambut, Kepong Baru, Sungai Pencala dan Kawasan Batu Caves. Di sini juga saya terbaca di suratkhbar iaitu gaji-gaji doktor sudah naik. Saya ucapkan terima kasih pada Kerajaan kerana pada sidang Senate yang lalu saya ada rayukan. Kita harap doktor-doktor Kerajaan kita tidak akan lari lagi dari jawatannya. Kalau mereka lari juga maka kita bolehlah tuduh doktor-doktor ini not loyal to our Government.

Yang kelapan, saya menyentuh dalam Titah Ucapan Baginda itu berkenaan dengan kampung-kampung baru. Saya merayu kepada Kerajaan mana-mana kampung-kampung baru yang penuh sesak dengan penduduk-penduduk yang tidak teratur, jalanraya tidak ada, longkang-longkang tidak

ada. kotor, semak-samun. maka hendaklah dipindahkan separuh dari penduduk-penduduknya ke tempat lain. Kalau tuan-tuan datang ke Jinjang Utara, Jinjang Selatan, Kepong, tempat ini bersesak-sesak orang tinggal. Saya hairan bagaimana mereka boleh tinggal dan hidup di tempat-tempat ini dengan kotornya, hawanya busuk, pemandangan buruk dan kita jijik kalau lalu di tempat-tempat itu.

Yang kesembilan, berkenaan dengan bekas-bekas tentera. Saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih pada Kerajaan berkenaan dengan resettlement course telah ditambah masanya dari enam bulan hingga ke 18 bulan. Yang kedua berkenaan dengan pencen sudah dapat tambahan. Apa yang kami masih musykilkan ialah permohonan-permohonan tanah-tanah Kerajaan Negeri tidak mendapat layanan dari Pegawai-pegawai Daerah khususnya di Sabak Bernam, Kuala Selangor dan Ulu Selangor. Pada masa ini banyak bekas-bekas askar yang tinggal di daerah ini datang mengadu pada saya kerana permohonan tanah mereka dipandang sepi oleh Pegawai-pegawai Daerah yang saya sebutkan tadi, begitu juga rumah-rumah murah, tetapi di daerah-daerah lain dalam Selangor mendapat layanan yang baik termasuk PKNS.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan bekas perajurit. Kerajaan ada memungut berjuta-juta ringgit mengenai Tabung Perwira Negara. Wang ini bekas-bekas perajurit satu senpun tidak merasa. Maka saya merayu bagi pihak Persatuan ini kepada Kerajaan bahawa bekas-bekas perajurit tidak mahu wang itu, tetapi apabila Persatuan-persatuan Bekas Perajurit di tiap-tiap cawangan di Malaysia ini dapat tanah Kerajaan untuk mendirikan rumah murah tolonglah bantu persatuan-persatuan itu daripada wang ini. Persatuan Selangor, saya memberi misal, telah diberi tanah 47 ekar di Ulu Klang untuk perumahan. Kerajaan Selangor cuma sanggup memberi kami jalan merah  $\frac{1}{2}$  batu dan jambatan kayu dua buah ke tanah itu. Wang untuk meratakan, memasukkan air dan lampu, Kerajaan Selangor tidak sanggup, sebab alasannya tanah sudah diberi dan macam-macam pula yang dikehendaki, maka saya bagi pihak Persatuan Bekas Perajurit Cawangan Selangor merayu kepada Menteri yang berkenaan tolonglah bantu Persatuan Bekas Perajurit Cawangan Selangor dengan

Wang Tabung Perwira Negara untuk membayar premium, membuat jalan, memasukkan lampu dan air ke tanah itu. Rancangan persatuan hendak membuat beberapa buah rumah pangsa empat tingkat bagi bekas-bekas perajurit yang tinggal di rumah-rumah setinggan, iaitu di belakang MAHA 400 kelamin, di Sungai Besi 150 kelamin dan di merata-rata Kuala Lumpur ada 650 kelamin, lebih kurang 1,200 kelamin bekas perajurit yang duduk di rumah setinggan. Maka dengan tanah 47 ekar itu bolehlah memuatkan mereka semuanya, mereka dapat rumah dan Kerajaan kita dapat nama yang baik. Saya beri jaminan kepada Kerajaan bagi bekas-bekas askar yang berjumlah 32,000 orang di Malaysia ini sanggup berkorban bilabla masa untuk negara dan bangsa. Itulah rayuan saya bagi pihak bekas perajurit, tolonglah bantu dengan Tabung Perwira Negara kepada persatuan kami.

Tuan Yang di-Pertua, yang kesepuluh berkenaan dengan Orang Asli. Saya merayu kepada Kerajaan bagi Orang-orang Asli di kawasan saya, di Bukit Lanjan, lapan batu dari Kuala Lumpur. Saya minta Kerajaan buat jalanraya untuk mereka, dan guru-guru yang datang dari luar mengajar murid-murid dan juga kami (saya dan pegawai-pegawai Kerajaan) yang selalu datang ke Bukit Lanjan ke tempat Orang Asli, tolonglah masukkan lampu letrik ke kawasan itu, sebab wire letrik lalu di kampung itu. Begitu juga air pipe dan sekolah yang baik. Jangan macam sekarang, sekolah tak senonoh, rumah guru ada, tetapi jalan, lampu dan air tidak ada. Saya tidak mahu Orang-orang Asli di kawasan saya dianaktirikan. Di Batu 10, Gombak semua kemewahan-kemewahan ada, mengapa orang-orang saya tidak diberi layanan seperti di Batu 10, Gombak itu?

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kesebelas mengenai perhubungan luar. Saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kerajaan Malaysia kerana dasar berbaik-baik itu sangat molek dan oleh sebab molek itulah kita patut gunakan persahabatan kita dengan negara-negara itu, iaitu kita sekarang kurang beras, kurang besi, kurang cement, kurang baja, kurang gula, kurang tepung. Inilah masanya kita meminta pertolongan pada sahabat-sahabat kita itu.

Baru-baru ini, saya bersama-sama dengan 26 Negara-negara Commonwealth berseminar di London 21 hari. Kami telah bertukar-tukar fikiran. Apabila saya katakan benda-benda yang kurang di negara kita ini, Australia sanggup membantu kita besi, cement dan daging; Canada sanggup membantu kita dengan tepung, Malawi sanggup membantu kita dengan Tembaga, Sri Lanka sanggup membantu kita dengan teh. Begitu juga bila saya menghadiri Seminar di Thailand tahun lepas. Thailand sanggup membantu kita dengan beras, berapa banyak yang kita mahu; Philippine sanggup membantu kita dengan gula dan cigar; Jepun sanggup membantu kita dengan besi dan cement. Negeri-negeri seperti British Columbia, Sierra Leone, Kenya, Barbados telah juga memberi tahu saya; Senator apa-apa yang kurang di negara saudara tolong beritahu kami, kami boleh bantu, katanya. Inilah masanya kita gunakan pertolongan mereka. Kita tak mahu rakyat kita lapar, kita tak mahu rakyat susah dan kita tak mahu projek-projek pembangunan kita terhenti macam sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan kerana ada cita-cita hendak membuat universiti-universiti dan ITM di seluruh negara. Ini sangat-sangat baik, sebab kita tidak mahu dibuat semuanya di Kuala Lumpur sahaja. Kita mahu negeri-negeri lain itu berkata di negeri saya ada universiti, ada ITM ada politeknik, ada Technical Institute dan sebagainya. Begitu juga saya puji Kerajaan kita kerana bercadang hendak membantu wang untuk mempunyai rumah pada kakitangan-kakitangan Kerajaan, polis dan tentera dan saya harap pada orang-orang yang mempunyai rumah-rumah sewa, seperti di Sentul, Sentul Pasar dan juga di sekitar Kuala Lumpur, janganlah dinaikkan sewa rumah pada masa ini. Saya diberitahu di Sentul, Sentul Pasar dan Jalan Ipoh dan juga di sekitar Kuala Lumpur rumah-rumah sewa sudah naik sampai 30%. Ini tidak patut.

Akhirnya, saya merayu pada Kerajaan cubalah sebagaimana ikhtiar, menghapuskan komunis di negara kita, menghapuskan penjahat dan menghapuskan orang-orang yang menyorokkan barang-barang. Kalau ke tiga-tiga ini dapat Kerajaan jalankan, saya percaya nama Malaysia ialah No. 1 dalam South-East Asia. Ini tidak lain dan tidak bukan jalannya yang nampak oleh saya memberi penerangan-penerangan yang cukup pada

rakyat. Apa yang dibuat oleh Kerajaan kita pada masa ini penerangan-penerangannya tidak cukup, kita mestilah memberi penerangan-penerangan termasuklah di Kampus Universiti, Kampus ITM dan di ceruk rantau negara kita.

Di negara kita ini banyak lagi orang yang tidak taat pada Kerajaan sebab mereka kurang penerangan. Berkenaan dengan perjalanan Kerajaan banyak orang-orang kampung tidak tahu dan akhirnya di kampung-kampung banyak hantu-hantu yang jahat yang menghasut orang-orang yang mengatakan Kerajaan itu tidak elok dan sebagainya, maka saya berharaplah pada Kerajaan akan memberi kuasa pada Ketua-ketua Kampung, Penghulu-penghulu dan Wakil-wakil Rakyat supaya nama-nama orang yang jahat ini disampaikan kepada Kerajaan untuk diambil tindakan, diberi mereka ini ajaran akhlak dimasukkan injection berkenaan dengan menyedari hidup mereka untuk berbaik-baik dengan jiran di kampung yang mereka tinggal.

Saya sekali lagi memberi setinggi-tinggi tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana telah sudi mencemarkan diri Baginda, sudi datang ke tempat yang tiada sepertinya ini, menyampaikan Titah yang begitu bernas dan ikhlas.

6.01 ptg.

**Tuan Haji Othman bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Usul yang dikemukakan oleh sahabat saya, Yang Berhormat Datuk Nik Hassan, bagi menyembahkan Ucapan Terima Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas Titah Ucapan yang telah dilafazkan di Majlis Parlimen pada 15hb April yang lalu. Seperti biasa kita mengikuti ucapan Di-Raja itu adalah sebagai satu garis yang digariskan oleh Kerajaan bagi dijalaninya bagi tahun-tahun yang akan datang dan juga lapuran daripada Kerajaan secara umum terhadap projek yang telah dijalankan oleh Kerajaan di mana rakyat diberikan kuasa dan hak kepada Kerajaan setelah Kerajaan itu dipilih oleh mereka sendiri.

Dalam Titah Ucapan yang telah disampaikan ke Dewan Parlimen pada 15hb April yang lalu itu membayangkan kepada kita betapa usaha Kerajaan di dalam melaksanakan cita-citanya terutama sekali di dalam

mengimbangkan kehidupan rakyat di dalam bandar dan di luar bandar, membetulkan secrew-secrew ekonomi yang belum begitu ketat dan belum begitu sempurna berdasarkan dan berlandaskan pada Dasar Ekonomi Baru yang sama-sama kita terima itu.

Tuan Yang di-Pertua, jelaslah di dalam Titah Ucapan yang telah berlalu dan pada 15hb April membayangkan keazaman yang begitu tinggi oleh pihak Kerajaan dan membayangkan betapa kejayaan yang telah kita capai beberapa tahun yang telah sudah dan rancangan-rancangan yang hendak kita tempohi pada masa yang akan datang. Tetapi, mungkin agaknya di dalam sebarang langkah yang hendak dibuat oleh Kerajaan itu dan menghadapi beberapa halangan-halangan dan rintangan-rintangan yang bukan sahaja rintangan-rintangan itu kita tidak sangka dan tidak kita jangka dia boleh berlaku, tetapi keadaan yang mendadak datang menghambat kemajuan yang sedang kita bina itu merupakan suatu cabaran yang patut kita hadapi bersama-sama.

Cabaran yang paling besar yang dihadapi oleh rakyat khususnya di negara kita ini ialah masalah inflasi, masalah yang pada masa-masa yang telah lalu kita tidak kenai kepada perkara inflasi ini, dan kebanyakan rakyat kita pun tidak begitu tahu kepada inflasi, tetapi keadaan yang mendadak ini menekan kepada kehidupan kita di mana perimbangan tidak wujud, di mana pendapatan tidak sama dengan perbelanjaan, di mana kekuatan wang yang pada mereka tidak sekuat dengan wang yang mereka punyai sebelumnya. Tekanan-tekanan ini juga bukan sahaja kepada rakyat, tetapi juga kepada Kerajaan kita yang sedang membina dan sedang membangun sekarang. Oleh kerana itu, kita dengar beberapa projek dan beberapa program Kerajaan terpaksa ditangguhkan kalau dia tidak berbentuk economical, yang boleh mendatangkan hasil yang terus kepada rakyat dengan kerana itu kita terpaksa slow di dalam perjalanan ini. Walaupun apa juga yang berlaku kita nampak bahawa rakyat sebahagian besarnya menekankan kepada kita, kepada Kerajaan, kenapa harga ini melambung tinggi, kenapa pendapatan mereka tidak mencukupi untuk menutup keperluan mereka se hari-hari, sekalipun Jabatan-jabatan Kerajaan seperti Jabatan Penerangan misalnya telah memberikan sebab-musabab tentang inflasi ini, dan di dalam Dewan ini pun kita mendengar para

Menteri memberikan jawapan bahawa inflasi ini ialah inflasi yang di impot daripada luar negeri ke negeri kita, tetapi pada hakikatnya inflasi ini memang wujud di dalam negeri kita sendiri.

Wujudnya yang saya maksudkan di sini ialah oleh kerana keperluan yang mendesak oleh kita sendiri yang menyebabkan inflasi itu wujud seperti beras. Beras yang kita sendiri tanam iaitu padi dan sawah ladang yang kita sendiri lakukan, yang kita bajak dan tanam dan kita sendiri tuai. Dua tiga tahun dahulu padi atau beras ini hanya kira-kira \$1.80 sahaja segantang, tetapi pada itu juga kalau mereka simpan sampai sekarang beras itu harganya \$3.00 lebih segantang—beras itu juga cuma masanya berlainan, tahun 1970 misalnya dengan tahun 1973. Jadi, inflasi itu wujud di dalam negeri kita ini bukan dengan kehendaknya sendiri, tetapi oleh kerana tekanan-tekanan yang lain seperti kaum buruh, kaum tani yang memerlukan baju, harga baju telah naik, kaum tani yang memerlukan lampu, minyaknya sudah naik; kaum tani yang memerlukan buku teks untuk anak-anaknya, buku teks naik; kaum tani yang memerlukan kasut untuk anak-anaknya, kasut untuk anak-anaknya itu naik, maka dengan kenaikan barang-barang yang lain yang diperluikan oleh kaum tani menyebabkan, memaksakan kaum tani itu menjual barang-barangnya lebih daripada yang berpatutan. Selain daripada inflasi yang ditekan dari luar, maka inflasi ini juga wujud di dalam negeri kita. Tetapi kita berterima kasih kepada Kerajaan dan memberikan tahniah yang setinggi-tingginya kepada pucuk pimpinan Kerajaan yang ada sekarang, Perdana Menteri kita Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Tun Abdul Razak, oleh kerana menyedari betapa perit dan pahitnya hidup sebagai rakyat biasa di kampung-kampung, maka oleh kerana itu Kerajaan memberi bantuan atau subsidi kepada beberapa barang-barang yang diperluikan oleh rakyat seperti gula, tepung dan sebagainya. Baru-baru ini kita telah mendengar interview di radio atau T.V. oleh Menteri Perusahaan Utama bahawa Kerajaan juga telah memberi subsidi bagi kenaikan harga minyak petrol sebanyak \$82 juta setahun.

Tuan Yang di-Pertua, kalau subsidi ini begitu banyak dan begitu memaksa Kerajaan berbuat, saya jangka bahawa banyak projek-projek yang penting atau projek-projek yang

dianggap tidak economical itu akan terhenti, sedangkan bagi rakyat di kampung-kampung atau di luar bandar kemudahan-kemudahan asas masih lagi mereka perlukan.

Di bandar-bandar kemudahan-kemudahan asas ini sudah wujud beberapa tahun seperti letrik, jalanraya, hospital, sekolah dan sebagainya. Tetapi di kampung-kampung ada sebahagian yang besar daripada kampung-kampung itu, kemudahan-kemudahan asas ini masih belum wujud seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat sahabat saya bahawa Bukit Lanjan yang hanya 7 batu daripada Bandaraya Kuala Lumpur bagi mereka belum mempunyai kemudahan jalanraya, letrik dan sebagainya. Ini menunjukkan betapa orang-orang kampung, orang-orang yang tinggal di luar bandar juga hak ataupun nilai undinya sama dengan seorang Menteri ataupun nilai undinya sama dengan seorang yang tinggal di bandar. Kalau orang ini mempunyai nilai yang sama dengan orang yang tinggal di bandar mempunyai undi yang satu, dan orang-orang di Bukit Lanjan juga mempunyai satu undinya dan begitu juga orang yang di atas puncak Gunung Tahan mempunyai satu undi, kenapakah orang di bandar mendapat kemudahan-kemudahan dan orang yang di Bukit Lanjan kurang, dan orang di Gunung Tahan lebih-lagi tidak mendapat apa-apa.

Saya kkuatir benar dengan inflasi ini. Kalau inflasi ini berjalan dengan begitu lama, saya kkuatir lagi pemisahan di antara bandar dengan luar bandar ini akan lebih jelas lagi pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan Kerajaan tidak meletakkan asas projek itu kepada perkara yang economical dengan tidak economical semata-mata, tetapi patut juga ditimbang dari sudut kepentingannya. Apakah dia mempunyai kepentingan kepada masyarakat itu atau tidak, samada economical atau tidak dipersoalkan kemudian. Kalau Kerajaan sanggup memberi subsidi kepada petroleum, gula dan sebagainya maka saya rasa tidak ada salahnya kalau Kerajaan meneliti soal-soal kemudahan yang saya sebutkan sebentar tadi. Oleh kerana siapapun juga di dalam Dewan ini atau di dalam Dewan Rakyat, kita selalu dengar bahawa Wakil-wakil Rakyat dan juga Ahli Dewan Negara selalu merungutkan soal ini, soal-soal di mana rakyat itu belum mendapat kemudahan seperti saudara-saudara mereka di bandar-bandar. Tuan Yang di-Pertua, saya

menggesa Kerajaan supaya menimbangkan masaalah ini dengan lebih mengutamakan dan dengan lebih serious seperti yang dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, di dalam menghadapi pemodenan sektor pertanian. Saya quote Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia:

“Kerajaan Beta akan terus berusaha memesat dan memodenkan sektor pertanian dengan mengutamakan institusi-institusi pertanian yang akan diperbaiki untuk mengadakan saluran-saluran bagi perkhidmatan lanjutan, kredit, pemasaran dan penyelidikan yang lebih berkesan kepada petani-petani dalam usaha untuk meninggikan daya pengeluaran dan menggalakkan mereka lebih cenderung kepada perniagaan.”.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita baca sekali lalu ia merupakan sebagai satu karangan (essay) yang bunyinya terlalu indah dan sedap didengar. Bukan itu sahaja, tetapi isinya itu mempunyai satu hakikat bahawa kita belum mempunyai kemudahan-kemudahan bagi memodenkan sektor pertanian itu pada keseluruhannya. Manakala kita telah mempunyai institusi-institusi bagi memodenkan pertanian, di mana rakyat kita boleh dikatakan lebih daripada separuh dari penduduk negara ini masih hidup di atas hasil pertanian, maka sudah sewajarnya Titah Ucapan Seri Paduka Baginda itu menitikberatkan masaalah memodenkan sektor pertanian. Apakah ertinya memodenkan sektor pertanian. Bagi saya memodenkan sektor pertanian bukanlah hanya menukar tajak dengan trektor, bukan sekadar hendak menukar cangkul dengan Kubota, tetapi yang penting mahu dimodenkan dalam sektor pertanian ialah masaalah mental kaum tani itu sendiri, pemikiran kaum tani itu sendiri betapa mereka mempunyai saham (share) yang besar dalam pembangunan negara dari sektor pertanian. Bagi kaum tani kita, kita belum pernah mendengar mereka menuntut kepada Kerajaan supaya diberikan subsidi oleh kerana kekurangan hasil yang mereka perolehi setiap tahun. Kita belum pernah dengar satu gerakan atau barisan tani yang meletakkan poster-poster di tepi jalan untuk menuntut supaya kehidupan mereka itu lebih sempurna atau sekurang-kurangnya disamakan dengan buruh kelas satu dengan menuntut supaya Kerajaan membantu ataupun memberi subsidi kepada mereka.

Apa yang kita dengar di dalam beberapa tahun yang kemudian iaitu penilaian Kerajaan terhadap hasil pertanian mereka itu, dan oleh kerana itu kita adakan FAMA sejak beberapa lama dahulu, kita adakan LPN bagi memberi jaminan harga kepada penghasilan padi khususnya oleh kaum tani itu. Sebagaimana saya katakan tadi bukanlah memoden sektor pertanian hanya sekadar kita hendak menukar daripada bentuk tani yang lama kepada Kubota atau Trektor, tetapi yang penting ialah memodenkan fikiran mereka itu bahawa pertanian adalah satu sektor daripada masyarakat atau satu golongan masyarakat yang juga boleh membentuk masyarakat dan negara dengan hasil pertanian mereka itu. Untuk itu, mereka perlu mempunyai kemudahan-kemudahan yang penting berkaitan dengan pertanian. Di antara perkara-perkara yang penting bagi petani ini ialah kemudahan taliair. Walaupun mereka itu boleh bertanam padi lebih daripada orang-orang dahulu, kerana ada tenaga mesin sekarang tetapi ada hal-hal lain yang patut difikirkan juga iaitu kemudahan air seperti yang berlaku di dalam kawasan Hilir Perak di mana saya mewakili kawasan itu dahulu. Kawasan ini ialah kawasan pertanian di mana di sebelah selatan Perak yang berhampiran dengan Sabak Bernam kawasan Sungai Manik dan Labu Kubung, merupakan jelapang padi bagi kawasan Hilir Perak. Bila air disalurkan ke Labu Kubung, satu daerah daripada kawasan itu, maka sebahagian air tidak dapat dimasukkan ke Sungai Manik. Bila dimasukkan air ke Sungai Manik, maka sebahagian air tidak dapat dimasukkan ke Labu Kubung. Saya tidak tahu soal ini, kerana ini soal teknik, ini soal orang yang bijak tentang perairan itu, tetapi ini mengakibatkan kerisauan kepada kaum-kaum tani di mana mereka tidak dapat memberi tenaga yang patut oleh kerana kekurangan sumber alam, ertinya kekurangan air yang patut mereka dapati.

Yang kedua, saya nampak planning bagi membuka daerah-daerah seperti itu tidak sempurna dirangkakan oleh kerana kalau kita pergi sekarang ke daerah-daerah tersebut kita tidak dapat membawa jentera-jentera yang moden ke dalam daerah itu, kerana pematang yang kecil ataupun batas-batas air yang kecil tak dapat dilalui dengan jentera yang empat roda atau jentera yang lain tak dapat dibawa ke situ. Sekarang ini untuk memodenkan sektor pertanian yang mengutamakan institusi sahaja sudah layak

tetapi bagi mengutamakan kemudahan kepada bidang-bidang pertanian itu adalah satu hal yang penting difikirkan dan dijalankan supaya sejajar dengan apa yang dititahkan oleh Seri Paduka Baginda supaya sistem pemikiran di dalam bentuk institusi telah ujud dan manakala mereka pergi ke ladang, pergi ke tanah di mana mereka akan meniad kaum tani maka kemudahan-kemudahan yang asas itu ada kepada mereka.

Titah Ucapan Baginda berkata. "Beta berharap matlamat kita untuk mengeluarkan bahan-bahan makanan yang cukup akan tercapai lebih-lebih lagi dalam keadaan inflasi yang terdapat sekarang." Saya menjunjung tinggi Titah Ucapan ini dan terbayang oleh saya betapa besarnya harapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bagi mengatasi inflasi. Dan satu daripada cara mengatasi inflasi ini iaitu mengeluarkan bahan-bahan makanan yang cukup bagi mengatasi inflasi. Bahan-bahan yang cukup seperti beras, gandum, kacang dan sebagainya ataupun bahan-bahan makanan yang lain dan sebagainya. Ini kata saya berkait secara langsung dengan kemudahan-kemudahan kaum tani itu sendiri. Oleh kerana itu saya berharap kepada Kementerian Pertanian supaya membuat ataupun melakukan tindakan-tindakan yang wajar, yang segera bagi memberikan apa yang disebut kemudahan-kemudahan bagi kaum tani. Walau bagaimanapun sekarang bukanlah tidak ada kemudahan itu, kita mempunyai Persatuan Peladang, kita mempunyai berbagai-bagai jalan, berbagai-bagai institusi yang menolong kaum tani. Mungkin kita juga mempunyai bank tani di mana kaum tani boleh mendapat bantuan-bantuan credit. Tetapi, bagi mendapatkan bantuan credit daripada bank-bank tani kalau sekiranya kemudahan kaum tani itu tidak ada, kalau mereka pergi kepada tanah kaum tani itu yang ada 5 ekar di mana penuh dengan belukar dan sebahagian besarnya tidak tertanam kerana tidak ada kemudahan, saya tidak percaya bahawa kemudahan credit akan dapat diperolehi oleh kaum tani.

Inilah soal-soal yang rasa saya penting kita pandang dan kita fikirkan dari sudut pertanian. Pada suatu masa dulu kita pernah mendengar Kerajaan meminta supaya pengeluaran hasil padi bagi negara kita ini janganlah sampai 100 peratus. Penghasilan padi negara harus kurang daripada 90 peratus. Mungkin pada saat itu kita berfikir

kalau sekiranya kita mengeluarkan pada lebih 100 peratus ertinya lebih daripada keperluan kita, harga padi akan jatuh dan kita tidak fikirkan inflasi akan datang dengan begitu mendadak sekali, dan manakala kita telah menyekat: itulah agaknya mungkin kawasan Hilir Perak yang saya sebutkan tadi sebahagiannya ditanam dua kali setahun sebahagiannya tidak ditanam dua kali setahun kerana menahan supaya jangan pengeluaran padi itu berlebihan daripada apa yang dijangka, sebab untuk menjaga kepentingan kaum tani juga, jangan harga padi itu nanti kurang kerana terlalu banyak. Rupanya tidak demikian halnya. Sekali gus negara-negara pengeluar padi di dunia ini telah menghadapi krisis, menghadapi kekurangan-kekurangan beras. Kekurangan beras ini tidak menjadikan manusia yang makan beras itu berhenti makan beras, tetapi dia mencari beras di mana ada. Kalau orang yang makan beras itu berhenti makan beras kerana beras tidak ada maka inflasi mungkin tidak akan timbul, seperti di zaman Jepun bila beras tidak ada rakyat yang makan beras menukar fikirannya makan ubi kayu, makan jagung, makan sagu, difikirkan begitu. Maka tidak timbul masalah inflasi beras dari luar negeri, tetapi malangnya di dunia yang aman ini manakala kekurangan beras itu ujud orang yang makan beras itu bertambah bernaflu makan beras kerana bila sedikit beras dia sudah menjadi harga yang mahal, orang yang hendak makan itu banyak, berasnya sedikit jadi beras itu sudah seperti emas harganya. Orang-orang yang mengeluarkan beras sudah mula menaikkan harga beras di negeri mereka masing-masing. Peniaga-peniaga yang mempunyai store yang banyak mula menyorokkan beras, mula menyimpan sebahagian besar beras-beras mereka itu sebab mereka tahu dalam tempoh sekian-sekian bulan harga beras ini akan berlipat-ganda. Jadi di dalam air yang keruh ini maka timbullah kaum-kaum yang dinamakan mencari kepentingan diri sendiri, mencari keuntungan diri sendiri tetapi pada faham saya kalau sekiranya kita mempunyai dasar supaya pengeluaran padi kita ini berlebihan, dibanvakkan lagi daerah-daerah pertanian dan daerah pertanian yang ada sekarang ini kita tanam dua kali, kalau mungkin tiga kali seperti di Taiwan saya dengar khabar orang tanam padi sampai tiga kali setahun. Maka

kalau kita mungkin mengadakan pengeluaran padi yang seperti itu baiknya, maka tidak menjadi masalah kepada kita samada beras itu berlebihan atau tidak oleh kerana ada manusia-manusia yang bertambah jumlahnya yang suka makan beras, yang boleh kita eksportkan keluar negeri, yang boleh kita hantarkan keluar negeri. Orang Eropah sekarang ini pun sudah banyak menukar fikirannya dari makan roti kepada makan nasi, kerana makan nasi ini katanya lebih kuat semangatnya, lebih kuat tenaganya dan lebih bernaflu makan nasi ini katanya, sebab ia lihat orang-orang India makan nasi, orang Malaysia makan nasi anaknya sampai 20 orang ibunya seorang. Jadi orang-orang Eropah banyak juga sudah menukar fikirannya dari makan roti kepada makan nasi. Oleh kerana itu apa salahnya pada satu hari kalau kita mempunyai penghasilan beras yang banyak kita boleh hantar beras kita itu keluar negeri suruh orang England itu makan beras, makan padi. Kita jual nasi lemak di sana, yang kalau di sini 10 sen di sana mungkin satu paun. Jadi rasa saya tidak merugikan kita kalau kita mempunyai planing sebagaimana caranya kita hendak memodenkan dan hendak mendatangkan penghasilan yang berlipat ganda kepada kaum tani.

Saya berasa walaupun inflasi ini telah menikam kita dari depan dan dari belakang sekarang tetapi Kerajaan kukuh, Kerajaan kita ini gagah, kuat. Kekuatan Kerajaan kita ini bermula dengan kesedaran kita, kesedaran kaum politik, kesedaran ahli-ahli politik kita, di dalam menghadapi masa depan bagi negara kita ini di mana negara kita sekarang diperintah secara bolehlah kita katakan secara collective daripada beberapa parti-parti dalam Barisan Nasional ataupun Front National dan Front National merupakan satu ilham baru bagi rakyat Malaysia dan bagi pemimpin-pemimpin negara kita ini bagi menghadapi masa depan dan terutamanya bagi menghadapi pilihanraya kita . . . . .

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang hingga pukul 2.30 petang hari esok, 14hb Mei, 1974.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*